

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)
FEDERAL TERRITORY ISLAMIC COUNCIL



2008

LAPORAN TAHUNAN
Annual Report



Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Kuala Lumpur Federal Territory



Wilayah Persekutuan Putrajaya
Putrajaya Federal Territory

Wilayah Persekutuan Labuan
Labuan Federal Territory



ISI KANDUNGAN

TABLE OF CONTENT

	PERUTUSAN / MESSAGE	
	Pengerusi / Chairman	2
	Setiausaha / Secretary	4
	Ketua Pegawai Eksekutif / Chief Executive Officer	6
	MAKLUMAT ORGANISASI / INFORMATION OF ORGANISATION	
	Latar Belakang Penubuhan / Incorporation Background	10
	Keanggotaan / Membership	11
	Carta Organisasi / Organisational Chart	14
	Objektif dan Strategi / Objective and Strategy	15
	LAPORAN Pengerusi / CHAIRMAN'S REPORT	
	Pendapatan / Income	18
	Perbelanjaan / Expenditure	19
	Pengurusan Sumber Manusia / Management of Human Resource	19
	Perancangan Strategik / Strategic Planning	20
	Pelaksanaan Agihan Zakat Secara Efisien / Efficient Implementation of Zakat Distribution	21
	Pembangunan Modal Insan / Development of Human Capital	30
	Pembangunan Teknologi Maklumat / Development of Information Technology	35
	Hartanah / Property	36
	Pelaburan / Investment	37
	MAIWP Cawangan Labuan / MAIWP Labuan Branch	39
	Syarikat milik MAIWP / MAIWP Owned Companies	40
	LAPORAN KEWANGAN / FINANCIAL REPORT	
	Sijil Ketua Audit Negara / Auditor-General Certificate	50
	Penyata Kewangan / Financial Statements	52
	LAPORAN JAWATANKUASA / COMMITTEE REPORT	
	Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan /	98
	<i>Federal Territory Syarak Laws Consultative Committee</i>	
	Jawatankuasa Baitulmal / Baitulmal Committee	99
	Jawatankuasa Induk Melihat Anak Bulan Wilayah Persekutuan /	100
	<i>Federal Territory Moon Sighting Central Committee</i>	
	Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan /	102
	<i>Development and Investment Committee</i>	
	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun	104
	<i>Finance and Accounting Management Committee</i>	
	Jawatankuasa Pentadbir Penasihat Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) /	107
	<i>Baitulmal Skills Institute (IKB) Administrative Advisory Committee</i>	
	Jawatankuasa Meneliti dan Mengkaji Perkembangan Kes Harta Wakaf /	109
	Pusaka Allahyarham Ahmed Dawjee Dadabhoy (ADD) /	
	<i>Monitoring and Reviewing Developments With Regards To Wakaf /</i>	
	<i>Inheritance Properties Of Allahyarham Ahmed Dawjee Dadabhoy (ADD) Committee</i>	

Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Wilayah Persekutuan /	110
<i>Federal Territory Religious Teaching Supervisory Committee</i>	
Jawatankuasa Peguam Syarie / Syarie Lawyers Committee	113
Jawatankuasa Agihan / Distribution Committee	115
Jawatankuasa Audit Dalam / Internal Audit Committee	117
Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan /	119
<i>Federal Territory Syariah Court Rules Committee</i>	
Jawatankuasa Rumah Perlindungan dan Kebajikan Islam Wilayah Persekutuan /	121
<i>Federal Territory Islamic Shelter Houses and Welfare Committee</i>	
INFORMASI / INFORMATION	
Skim Bantuan Zakat Baitulmal MAIWP / Zakat Assistance Scheme of Baitulmal MAIWP	126
Syarat Umum Penerima Bantuan Zakat Baitulmal MAIWP /	126
<i>General Criteria For The Recipients Of MAIWP Baitulmal Zakat Assistance</i>	
Had al-Kifayah / Had al-Kifayah	127
Contoh Pengiraan Had al-Kifayah / Example of Had al-kifayah Calculation	128
Takrif Asnaf / Definition of Asnaf	129
Projek Pembangunan / Development Projects	131
Syarikat – Syarikat / Companies	134
Agensi di bawah MAIWP / Agencies Under MAIWP	135
Direktori / Directory	143
STATISTIK / STATISTICS	
Pendapatan Keseluruhan MAIWP 2003-2008 / MAIWP's Overall Income for 2003-2008	146
Perbelanjaan Keseluruhan MAIWP 2003-2008 / MAIWP's Overall Expenses 2003-2008	147
Pendapatan dan Perbelanjaan Zakat MAIWP 2003-2008 /	148
<i>MAIWP's Zakat Income And Expenditure For 2003-2008</i>	
Pecahan Perbelanjaan Zakat MAIWP 2003-2008 /	149
<i>Breakdown Of MAIWP's Zakat Expenditure 2003-2008</i>	
RENTETAN PERISTIWA 2008 / CHRONOLOGY OF INCIDENTS IN 2008	
Diari / Diary	152
Keratan Akhbar / Newspaper Excerpts	162

PERUTUSAN

Message



Perutusan *Message*

Y.B. DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
PENGERUSI
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
Minister in the Prime Minister's Department cum
Chairman of Federal Territory Islamic Council



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya, Buku Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) tahun 2008 berjaya diterbitkan seperti yang dirancang.

Alhamdulillah, thanks and praise to Allah SWT that with His blessings the Federal Territory Islamic Council 2008 Annual Report has been successfully published as planned.

Mulai bulan Mac 2008, saya telah dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab menjaga dan memelihara hal ehwal yang berkaitan dengan umat Islam. Amanah dan tanggungjawab yang dipikul akan dilaksanakan sebaik-baiknya agar agama Islam berada pada martabat dan kedudukan yang tinggi selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, [Akta 505].

In March 2008, I was elected as the Minister at the Prime Minister Department, in charge of handling issues related to the Muslims. The trust vested in me and the responsibilities entrusted to me shall be carried out to the fullest so that Islam will be honoured and placed at the highest rank as provided by the Federal Constitution and the Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, [Akta 505]

Pencapaian MAIWP semenjak ditubuhkan sehingga kini adalah baik. Tanggungjawab bagi membela dan meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan meliputi aspek pembangunan modal insan, pembangunan ekonomi, hartanah dan sebagainya telah dilaksanakan dengan jayanya secara berterusan dari semasa ke semasa.

The achievements of MAIWP since its establishment has been excellent. The responsibility to preserve and improve the socio-economic aspect of the Muslim community especially in the Wilayah Persekutuan which includes the development of human capital, economy, real estate and so on has been carried out successfully and continuously from time to time.

Dalam aspek pengurusan zakat contohnya, MAIWP merupakan antara negeri yang mempunyai jumlah kutipan dan agihan zakat yang tertinggi. Kekuatan dana kewangan merangkumi dana zakat membolehkan MAIWP mengatur dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang memberi manfaat kepada umat Islam di Wilayah Persekutuan dan dalam kes-kes tertentu, bantuan turut disalurkan kepada masyarakat Islam melangkaui sempadan Wilayah Persekutuan dan negara.

From the zakat management aspect, for instance, MAIWP is one of the states with the highest zakat collection and distribution. The financial strength which is also derived from the zakat pool enables MAIWP to plan and execute various programmes and activities which are beneficial to the Muslims in the Federal Territory. and in certain cases, the assistance is also extended to the Muslim communities beyond the boundaries of Federal Territory and our country.

Program pendidikan yang menjadi elemen penting dalam pembangunan modal insan merupakan antara yang diberi penekanan oleh MAIWP. Institusi pendidikan sedia ada di bawah MAIWP akan diperluas dan diperkasakan lagi dan

The education programme which has become an important element in developing the human capital is among the programmes emphasized by MAIWP. The education institutions currently under the MAIWP administration

dalam tempoh terdekat, sebuah Sekolah Menengah Imtiaz yang menekankan aspek hafazan Al-Quran kepada para pelajar akan ditubuhkan di Wilayah Persekutuan.

Kebajikan tenaga penggerak yang menjadi elemen penting kepada kejayaan sesuatu aktiviti sentiasa dibela dan diberi perhatian yang serius. Oleh yang demikian, pada tahun ini, MAIWP telah menaikkan elaun guru-guru Tadika Islam dan guru-guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) di Wilayah Persekutuan bersesuaian dengan peningkatan kos sara hidup akibat kesan krisis kewangan global yang melanda dunia masakini. Dengan kenaikan tersebut, kita berharap mutu dan kualiti perkhidmatan dalam mendidik anak bangsa sentiasa dipertingkatkan.

Penglibatan MAIWP dalam bidang pelaburan Islam dan takaful di Malaysia secara tidak langsung membantu usaha kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai hub perkembangan sistem kewangan Islam global. Usaha berterusan MAIWP dalam pembangunan hartanah juga akan dapat menambahkan pemilikan aset umat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan.

MAIWP juga turut mengambil inisiatif dalam membela golongan tertentu yang kurang bernasib baik melalui penubuhan beberapa kompleks perlindungan dan kebajikan Islam. InsyaAllah dalam masa terdekat, MAIWP akan menubuhkan sebuah pusat perlindungan khusus untuk saudara kita yang baru memeluk agama Islam yang bakal dikenali sebagai Darul Hidayah.

Pada kesempatan ini, saya menyeru agar warga MAIWP dapat berusaha dengan lebih gigih supaya MAIWP dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan dan menyeluruh. Setiap gerak kerja yang dibuat haruslah selari dengan pelan perancangan strategik yang digariskan agar tidak tersasar daripada matlamat yang ingin dicapai. Agensi-agensi dan syarikat di bawah MAIWP juga harus membuat perancangan yang lebih rapi dan teratur bagi memastikan matlamat penubuhannya untuk membantu memperkasakan MAIWP tercapai.

Sejujurnya, MAIWP perlu meletakkan tanda aras (benchmarking) yang tinggi kepada rakan-rakan pengurusan di negeri lain. Sebagai pembawa obor kepada kelangsungan masalah dan kepentingan umat Islam di kota kosmopolitan; tindakan dan cerita kejayaan MAIWP akan pastinya menjadi "uswah" kepada agensi lain. MAIWP perlu menyedari status dan kedudukannya ini.

Akhir kata, saya berdoa agar dengan komitmen dan usaha keras daripada semua pihak akan dapat menjadikan MAIWP sebuah agensi yang disegani dan dicontohi oleh agensi-agensi Islam yang lain, InsyaAllah.

Sekian, wassalam.

will be expanded and upgraded in the near future. Sekolah Menengah Imtiaz which concentrates on the Al-Quran memorization by the students will be established in the Federal Territory.

The affairs of the key people which have become a contributing factor to the success of each activity are always given the priority and an utmost attention. Therefore, this year, MAIWP has increased the allowances for the Islamic Kindergarten teachers as well as the Al-Quran and the Fardhu Ain (KAFA) teachers in the Federal Territory in view of the increasing cost of living due to the global economic crisis faced in the world today. Keeping this in mind, it is hoped that the quality of their service in educating our children will continuously be upgraded.

The involvement of MAIWP in the Islamic investment and takaful in Malaysia indirectly helps the government in transforming Malaysia into a hub for the development of a global Islamic financial system. This continuous effort by the MAIWP in developing the real estate will increase the asset ownership of the muslims specifically in Federal Territory.

MAIWP also takes an initiative in taking care of certain quarters who are less fortunate by establishing various complexes for muslim shelters and welfare. InsyaAllah, in the near future, MAIWP will form a centre to take care of our brothers and sisters who have just embraced Islam which would be known as Darul Hidayah.

I would like to take this opportunity, to urge the members of MAIWP to strive harder so that MAIWP will be able to carry out its responsibilities more effectively and comprehensively. Each and every action taken must be in line with the drawn strategic plan so that it would not deviate from the desired objectives. Agencies and companies under MAIWP should draw up a more detailed and systematic plan to ensure that the objectives to assist in strengthening MAIWP are achieved.

Earnestly, MAIWP should set a high benchmark for the management teams in other states. As a torch bearer for the continuation of efforts to seek for Allah's blessings and the benefits for muslim communities in the cosmopolitan city, actions and news of the success stories of MAIWP will surely become "uswah" to other agencies. MAIWP needs to internalise this status and position.

Lastly, I pray to Allah so that the commitments and serious efforts put in by all quarters will transform MAIWP into a respectable agency and a role model for other Islamic agencies. InsyaAllah.

Thank you, wassalam.



DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

Perutusan *Message*

Y.BHG. DATO' HAJI CHE MAT BIN CHE ALI
PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM
WILAYAH PERSEKUTUAN
MERANGKAP SETIAUSAHA
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
Director of Federal Territory Islamic Religious Department
cum Secretary of Federal Territory Islamic Council



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana pada tahun ini, MAIWP sekali lagi telah berjaya melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan lancar dan jayanya.

MAIWP sebagai sebuah badan pembuat dasar di Wilayah Persekutuan telah memutuskan beberapa dasar penting sepanjang tahun 2008. Oleh yang demikian, setiap aktiviti dan program yang ingin dilaksanakan perlulah dilaksanakan secara terancang, rapi dan tersusun dengan menggunakan pendekatan-pendekatan tertentu bagi memastikan ianya tidak bercanggah dengan dasar yang diputuskan.

Amanah yang telah dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebajikan dan meningkatkan sosio ekonomi umat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan merupakan satu usaha yang besar yang tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa komitmen daripada semua pihak. Kita bersyukur kerana sehingga

Our praises to Allah for this year, MAIWP once again managed to carry out the responsibilities entrusted smoothly and successfully.

MAIWP as a policy making body in the Federal Territory has decided on various important policies in 2008. Therefore, every activity and programme planned should be implemented systematically, strictly and in great detail by applying certain approaches to ensure that it would not go against the policies that have been tabled.

The huge responsibility to take care of the welfare of the Muslims and to upgrade the socio economy of the Muslims specifically in Federal Territory would not have been carried out successfully without the commitments from all quarters. We are thankful because up to now, every programme and activity

sekarang, setiap program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh MAIWP mendapat kerjasama yang baik daripada agensi-agensi lain khususnya di Wilayah Persekutuan.

Kejayaan yang telah dicapai sepanjang tahun 2008 tidak akan menjadi titik nokhtah kepada MAIWP. MAIWP tidak akan mudah berpuas hati dengan kejayaan tersebut sebaliknya akan terus melaksanakan usaha berganda demi kepentingan dan kemaslahatan umat Islam seluruhnya. Saya yakin dan percaya dengan kerjasama semua pihak termasuk pengurusan MAIWP yang cekap dan profesional akan mampu memacu MAIWP ke satu tahap yang boleh dibanggakan.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua pihak agar kita semua dapat berusaha dan memberikan yang terbaik demi kejayaan kita bersama.

Sekian, wassalam.

undertaken by MAIWP has been carried out with full cooperation from other agencies specifically in Federal Territory.

The achievements throughout 2008 are not meant for MAIWP to come to a full stop. MAIWP is not easily complacent with the successes, instead, it would continue to strive harder to fight for the interests of the Muslims and to handle the issues faced by the Muslims. I am sure and I believe that with the full cooperation from all quarters including the efficient and professional MAIWP management, MAIWP will be able to go to a level that can be proud of.

In conclusion, I urge every one to work harder and give it your all to ensure our success.

Thank you, wassalam.



DATO' HAJI CHE MAT BIN CHE ALI



Perutusan *Message*

Y.BHG. TUAN HAJI ANAN BIN C. MOHD
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
Chief Executive Officer
Federal Territory Islamic Council

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, maka Buku Laporan Tahunan MAIWP bagi tahun 2008 dapat diterbitkan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi kita Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat serta mereka yang meneruskan perjuangan baginda sehingga hari kemudian.

Buku Laporan Tahunan ini merupakan maklumbalas MAIWP mengenai pencapaian aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2008. Menerusi buku ini juga, masyarakat umum akan dapat mengetahui prestasi semasa MAIWP dan kejayaan yang dicapai terhadap program-program yang telah dilaksanakan untuk membantu meningkatkan lagi sosio-ekonomi masyarakat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan.

Penambahbaikan pengurusan MAIWP sentiasa diberi tumpuan utama. Kekuatan sumber manusia yang menjadi elemen penting dalam menentukan kualiti perkhidmatan di MAIWP turut diperkasakan. MAIWP pada tahun ini turut mengadakan pelan perancangan strategik 5 tahun yang dilihat akan dapat menjadi panduan dalam memastikan gerak kerja menjadi lebih teratur dan tidak terpesong daripada matlamat yang ingin dicapai.

Prestasi MAIWP pada tahun ini secara umumnya telah meningkat berbanding tahun 2007 berdasarkan beberapa aspek. Di antaranya ialah dari aspek kutipan zakat di mana MAIWP melalui Pusat

Alhamdulillah, praise to Allah SWT for His blessings have made it possible for the MAIWP Annual Report book for 2008 to be published. Praises and salam to our beloved Prophet Muhammad SAW, His family members, his friends and those who had continued his struggle up to the later days.

This Annual Report is a MAIWP feedback on the achievements of the activities implemented throughout the year 2008. Through this book, the society at large will be aware of the current performance of MAIWP and successes achieved through the programme implemented to improve the socio-economy of the Muslim community specifically in Federal Territory.

Improvement of the management of MAIWP has always been the priority. A sound human capital is an important factor in making sure that the quality of service at MAIWP is subsequently upgraded. MAIWP, also formulated the 5 years strategic planning which is seen to be a guide in ensuring that the activity carried out would be more systematic and in accordance to the desired goals.

This year, the performance of MAIWP has improved in general compared to 2007 based on various aspects. Among others is the collection of zakat where through the Zakat Collection Centre (PPZ),

Pungutan Zakat (PPZ) MAIWP sekali lagi telah berjaya mencapai jumlah kutipan yang memberansangkan. Oleh yang demikian, MAIWP akan memastikan dana zakat tersebut diagihkan sebaik-baiknya kepada golongan sasar seperti ditetapkan syara'.

Antara langkah yang telah diambil bagi mencapai tujuan tersebut pada tahun ini ialah dengan melancarkan Pusat Agihan Zakat atau dikenali sebagai PAZA. Melalui PAZA, bantuan zakat akan dapat disalurkan kepada golongan sasar dengan lebih mudah dan berkesan seterusnya membantu meningkatkan jumlah agihan zakat. PAZA akan diperluaskan lagi pada tahun 2009 melalui penubuhannya di beberapa kawasan strategik lain di sekitar Wilayah Persekutuan.

Pengurusan rumah kebajikan dan perlindungan di bawah MAIWP turut diperkemaskan. MAIWP sehingga kini mempunyai Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah yang menyediakan kemudahan kepada anak-anak yatim dan Kompleks Kebajikan Masyarakat Islam Dar Assaadah yang menyediakan perlindungan kepada golongan remaja dan keluarga tersasar arah yang memerlukan bimbingan serta tunjuk ajar. Insyallah dalam tempoh terdekat, kemudahan dan infrastruktur di kompleks-kompleks tersebut akan dipertingkatkan demi keselesaan para penghuni dan pelatih terlibat.

Kerjasama yang jitu dan usaha yang komited daripada semua pihak termasuklah setiap institusi dan agensi di bawah MAIWP amatlah diharapkan bagi membolehkan tanggungjawab yang diamanahkan dapat dilaksanakan secara berkesan dan menyeluruh.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan yang telah dicurahkan oleh seluruh warga MAIWP dan semua pihak serta agensi yang membantu MAIWP secara berterusan selama ini serta berharap agar sumbangan tersebut akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa dan dibalas oleh Allah SWT dengan ganjaran yang setimpal.

Sekian, wassalam.

MAIWP once again achieved an encouraging amount of collection. In view of that, MAIWP will make sure that the zakat pool will be carefully distributed to the targeted group as determined by syara'.

One of the steps taken towards that direction in this year, is the launching of Pusat Agihan Zakat [Zakat Distribution Centre] or known as PAZA. Through PAZA, the zakat collection can be channelled to the targeted group easier and more effectively and this would therefore contribute to the increase of total zakat distribution. PAZA will be expanded further in 2009 by establishing it in a few other strategic areas around Federal Territory.

The management of the welfare centres and homes under the MAIWP has also been streamlined. MAIWP, until now has been operating the Darul Kifayah Complex which provided facilities for the orphans and the Dar Assaadah Complex which provide facilities for the teenagers and families who need guidance and assistance. Insyallah, in the near future, the facilities and infrastructure in the complexes will be upgraded to ensure the comfort of the occupants and the trainees.

It is hoped that all parties, including every institutions and agencies under MAIWP will give their full cooperation and commitment to enable the responsibilities entrusted to us will be effectively and comprehensively implemented.

With this, I would like to express my utmost appreciation for the contribution from every member of MAIWP and all parties including the agencies which have been assisting MAIWP continuously all this while and I hope that the contribution will be increased from time to time and this will be duly rewarded by Allah SWT.

Thank you, wassalam.



HAJI ANAN BIN C. MOHD



MAKLUMAT ORGANISASI

Information of Organisation





LATAR BELAKANG PENUBUHAN

Incorporation Background

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) ditubuhkan berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah:

Perkara 3 (5) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa :
Provision from Article 3 (5) of the Federal Constitution stated that :

“Walau apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua ugama Islam dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengadakan peraturan mengenai hal-ehwal ugama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara berhubung dengan ugama Islam.”

“Notwithstanding anything in this Constitution the Yang di-Pertuan Agong shall be the Head of the religion of Islam in the Federal Territories of Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya; and for this purpose Parliament may by law make provisions for regulating Islamic religious affairs and for constituting a Council to advise the Yang di-Pertuan Agong in matters relating to the religion of Islam.”

Seksyen 4(1), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, [Akta 505] memperuntukkan bahawa:-
Provisions from Section 4(1), Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993, [Act 505] stated that :-

“Maka hendaklah ada suatu badan yang dikenali sebagai “Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan”, untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubung dengan agama Islam.”

“There shall be a body to be known as the “Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan,” to advise the Yang di-Pertuan Agong in matters relating to the religion of Islam.”

Seksyen 31, Akta 505 memperuntukkan:-
Provisions from Section 31, Act 505 :-

“Majlis hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara yang berhubung dengan agama Islam di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubung dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Akta ini.”

“The Majlis shall aid and advise the Yang di-Pertuan Agong in respect of all matters relating to the religion of Islam within the Federal Territories, except matters of Islamic Law and those relating to the administration of justice, and in all such matters shall be the chief authority in the Federal Territories after the Yang di-Pertuan Agong, except where otherwise provided in this Act.”



KEANGGOTAAN MAIWP TAHUN 2008

Members of MAIWP For The Year 2008



Pengerusi / Chairman

Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Minister in the Prime Minister's Department



Timbalan Pengerusi / Deputy Chairman

Y.Bhg. Dato' Haji Wan Mohamad bin
Dato' Sheikh Abdul Aziz
Ketua Pengarah,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
*Director General, Department of Islamic
Development Malaysia*



Ex-Officio / Ex-Officio

Ketua Setiausaha Negara
Chief Secretary to The Government
Wakil / Representative:
Y.Bhg. Dato' Zainol bin Othman
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
*Senior Deputy Secretary General,
Prime Minister's Department*



Ex-Officio / Ex-Officio

Peguam Negara / Attorney General
Wakil / Representative:
Y.Bhg. Encik Meor Hashimi bin Abdul Hamid
Penasihat Undang-Undang,
Bahagian Undang-Undang JAKIM
Legal Advisor, JAKIM Legal Division



Ex-Officio / Ex-Officio

Ketua Polis Negara / Inspector-General of Police
Wakil / Representative:
YDH DCP Dato' Wira Muhammad Sabtu
bin Osman
Ketua Polis Wilayah Persekutuan
Federal Territory Chief Police



Ex-Officio / Ex-Officio

Sahibus Samahah
Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh
Mufti Wilayah Persekutuan
Federal Territory Mufti



Ex-Officio / Ex-Officio

Y.Bhg. Dato' Ab. Hakim bin Borhan
Datuk Bandar Kuala Lumpur
Commissioner of the City of Kuala Lumpur



Ahli / Member

Y.Bhg. Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali bin
Haji Abdul Rahman



Ahli / Member

Y.Bhg. Dato' Dr. Ismail bin Saad



Ahli / Member

Y.Bhg. Dato' Haji Suhaili bin Abdul Rahman



Ahli / Member

Y.Bhg. Puan Sri Rajmin binti Rashid



Ahli / Member

Y.Bhg. To' Puan Wan Asiah binti Ahmad



Ahli / Member

Y.Bhg. Datuk Haji Abd. Manaf bin Haji Ahmad



Ahli / Member

Y.Bhg. Dato' Abdul Rahman bin Mohd



Ahli / Member

Y.Bhg. Dato' Mohamad bin S. Ahmad



Ahli / Member

Y.Bhg. Dato' Dr. Nik Norzrul Thani bin
Nik Hassan Thani



Ahli / Member

Y.Bhg. Dato' Mohd Sallehuddin bin Othman



Ahli / Member

Y.Bhg. Dato' Haji Dangiran bin Haji Mustapa



Ahli / Member

Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd. Nasir bin Omar



Ahli / Member

Y.Bhg. Datuk Hisham bin Abd Majid



Ahli / Member

Y.Bhg. Dr. Sohaimi bin Haji Mohd Salleh



Ahli / Member

Y.Bhg. Encik Sahar bin Othman




Setiausaha / Secretary

Y.Bhg. Dato' Haji Che Mat bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Agama Islam
Wilayah Persekutuan
*Director, Federal Territory
Islamic Religious Department*



CARTA ORGANISASI MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP) 2008 **FEDERAL TERRITORY ISLAMIC COUNCIL ORGANISATIONAL CHART 2008**





OBJEKTIF MAIWP / MAIWP OBJECTIVES

- Membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis dan progresif yang sentiasa mencari keredhaan Allah.
 - Memupuk keimanan dan mengukuhkan ukhuwah Islamiah di kalangan orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan khususnya dan Malaysia amnya bagi mencapai perpaduan ummah.
 - Memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat Islam.
 - Melaksanakan usaha-usaha menambah harta MAIWP melalui pelaburan dan usaha-usaha halal yang lain bagi faedah umat.
-
- *To build and to form a dynamic and progressive Islamic community that continually seek Blessings of Allah.*
 - *To instill faith and to strengthen Islamic relationships amongst Muslims in the Federal Territory particularly and Malaysia in general to achieve solidarity.*
 - *To increase welfare efforts and to prevent any forms of deviation within the Islamic community.*
 - *To implement efforts to increase MAIWP wealth through prudent investments and other halal strategies for the benefits of Muslims.*



STRATEGI MAIWP / MAIWP STRATEGIES

- Menyediakan kemudahan pendidikan agama yang secukupnya bagi keperluan umat Islam.
 - Menyediakan kemudahan tempat-tempat beribadat secukupnya bagi keperluan umat Islam.
 - Meluas dan meninggikan mutu perkhidmatan dan kebajikan agama.
 - Memperluaskan kegiatan dakwah termasuk membantu dan memandu kegiatan badan-badan dakwah.
 - Memperbanyak dan memajukan tanah-tanah wakaf.
 - Mempertingkatkan kegiatan kutipan zakat.
 - Menguatkuasakan segala aspek undang-undang pentadbiran agama Islam.
 - Mempertingkatkan kegiatan ekonomi dalam bidang perniagaan, pembangunan dan pelaburan.
-
- *To provide ample religious education facilities to cater for the need of Muslims.*
 - *To provide ample facilities for places of worship to cater for the need of Muslims.*
 - *To expand and improve quality of religious services and welfare.*
 - *To expand dakwah activities including assisting activities of dakwah bodies.*
 - *To increase and to develop wakaf lands.*
 - *To step up zakat collection activities.*
 - *To enforce all aspects of Islamic laws administration.*
 - *To increase economic activities in the areas of business, development and investment.*



LAPORAN PENGURUSI

Chairman's Report



LAPORAN PENGURUS

Chairman's Report

Memasuki ke tahun 2008, MAIWP kini telah berusia 34 tahun setelah penubuhannya pada tahun 1974. Pelbagai peristiwa bersejarah telah ditempa di dalam kalendar MAIWP.

Bermula dari tahun 2007 apabila MAIWP berjaya mendapat perjawatan tetap, MAIWP terus memperkemaskan pengurusannya demi menjadi sebuah agensi Islam yang disegani dan dicontohi khususnya di Wilayah Persekutuan. Antara usaha yang telah diambil adalah dengan merangka Perancangan Strategik 5 Tahun MAIWP 2009-2013. Beberapa siri bengkel dan seminar telah diadakan sepanjang tahun ini bagi merangka perancangan strategik yang praktikal dan sistematik.

MAIWP juga sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan. Aktiviti utama MAIWP iaitu program agihan zakat kepada 8 golongan asnaf sentiasa diberi perhatian yang serius bagi memastikan program yang dilaksanakan adalah berkesan dan dapat membantu golongan sasaran secara optimum.

PENDAPATAN

Pada tahun 2008, MAIWP berjaya memperolehi jumlah pendapatan keseluruhan sebanyak RM234.08 juta. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 18% berbanding jumlah pendapatan MAIWP 2007 iaitu RM197.87 juta. Seperti tahun-tahun sebelumnya, sumber pendapatan terbesar MAIWP adalah datangnya daripada kumpulan wang zakat yang mana pada tahun ini ianya mencatat pendapatan sebanyak RM210.88 juta iaitu 90% daripada jumlah keseluruhan pendapatan MAIWP. Peningkatan pendapatan kumpulan wang zakat adalah disumbang oleh peningkatan kutipan zakat yang dilaksanakan oleh amil korporat MAIWP iaitu Pusat Pungutan Zakat (PPZ) MAIWP.

Sumber pendapatan kedua terbesar MAIWP pula adalah datangnya daripada pendapatan-pendapatan lain berjumlah RM9 juta diikuti hasil sewaan yang menyumbangkan RM7.82 juta dan keuntungan daripada akaun pelaburan berjumlah RM6.37 juta.

By the year 2008, MAIWP has existed for 34 years since its establishment in 1974. Many historic moments have been recorded in the MAIWP calendar.

Ever since 2007, when MAIWP managed to secure a permanent position, MAIWP moved on and improved its management line so that MAIWP will become a respectable Islamic agency and a role model specifically in the Federal Territory. Among the steps taken was drafting a MAIWP 5 Years Strategic Plan (2009-2013). Workshops and seminars have been organised throughout the year to come up with a practical and systematic strategic planning.

MAIWP has been continuously supporting the government effort in eradicating poverty. The main activity of MAIWP which is the zakat distribution programme to the 8 asnaf groups has always been emphasised to ensure that the programme is implemented effectively so that the said groups are assisted to the optimum.

REVENUE

In 2008, MAIWP succeeded in achieving a total income of RM234.08 million. This amount revealed an increase of 18% compared to the total income of MAIWP in 2007 which was RM197.87 million. Just like the previous years, the largest source of income for MAIWP come from the zakat collection whereby the collection this year recorded an amount of RM210.88 million, which accounted for 90% of the total income of MAIWP. The increase in revenue from zakat collection was contributed by the corporate collectors (amil) that is MAIWP's Zakat Collection Center (PPZ).

The second largest source of income for MAIWP came from other incomes amounting to RM9 million followed by rental revenues which contributed RM7.82 million and profits came from the investment accounts which totalled RM6.37 million.

PERBELANJAAN

Pada tahun ini, MAIWP telah membelanjakan sebanyak RM180.93 juta peningkatan sebanyak 18.2% berbanding tahun 2007 iaitu sebanyak RM153.06 juta. Jumlah tersebut merangkumi perbelanjaan agihan zakat sebanyak RM117.2 juta dan perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan sebanyak RM63.73 juta.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Sehingga penghujung tahun 2008, MAIWP telah mengisi sebanyak 315 jawatan daripada 336 jawatan tetap yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2007. Selain itu juga, MAIWP mempunyai seramai 143 orang kakitangan kontrak yang mana menjadikan jumlah keseluruhan penjawat awam MAIWP seramai 458 orang. Jumlah tersebut adalah meningkat sebanyak 111 orang berbanding tahun 2007 iaitu seramai 347 orang. Oleh yang demikian, MAIWP telah membelanjakan sebanyak RM12.2 juta bagi tujuan emolumen.

Penjawat tetap MAIWP kini perlu mengikuti Kursus Induksi Umum dan menduduki Peperiksaan Perkhidmatan bagi syarat pengesahan dalam perkhidmatan setelah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) meluluskan skim perjawatan tetap kepada MAIWP pada tahun 2007. Sepanjang tahun 2008, MAIWP telah mengadakan sebanyak 6 kali Kursus Induksi Umum bagi kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Sokongan.

EXPENDITURE

During the year in review, MAIWP has spent a total of RM180.93 million representing an increase of 18.2% compared to the year 2007 of RM153.06 million. This total comprised of zakat distribution expenditure totalled RM117.2 million and administration and management expenses, which recorded a total of RM63.73 million.

HUMAN RESOURCES MANAGEMENT

As of the year ending 2008, MAIWP has filled 315 vacancies out of 336 permanent positions approved by the Public Services Department (JPA) for the year 2007. In addition, MAIWP has 143 contractual staffs, which brought the total public services personnel of MAIWP to 458 people. This total recorded an increase by 111 personnel compared to the year 2007's total of 347. As a result, MAIWP has spent a total of RM12.2 million for emolument purposes.

The permanent staff of MAIWP currently need to undergo the General Induction Course and sit for the examinations (Peperiksaan Perkhidmatan) to be confirmed in the service after the Public Service Department (JPA) approved the permanent position scheme for MAIWP in 2007. Throughout 2008, MAIWP has organised 6 general induction courses for the Management & Professional and Supporting Groups.



Pegawai dan kakitangan MAIWP yang ditawarkan perjawatan tetap mengikuti Kursus Induksi Umum bagi tujuan pengesahan jawatan

Officers and staffs of MAIWP offered permanent positions attend a general induction course for confirmation purposes



Tuan Haji Anan bin C. Mohd (dua dari kiri) menerima nota serah tugas Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP daripada Tuan Haji Othman bin Mustapha

Tuan Haji Anan bin C. Mohd (second from left) receiving his job handover notes as the Chief Executive Officer of MAIWP from Tuan Haji Othman bin Mustapha

MAIWP turut menghantar kakitangannya mengikuti kursus-kursus yang bersesuaian bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan serta tahap profesionalisme dalam bidang masing-masing. Sepanjang tahun 2008, sebanyak RMO.35 juta telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut.

Tahun 2008 juga menyaksikan MAIWP menerima Ketua Pegawai Eksekutif yang baru iaitu Tuan Haji Anan bin C. Mohd yang telah bertugas secara rasminya di MAIWP pada 1 September 2008. Beliau menggantikan Tuan Haji Othman bin Mustapha yang telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

MAIWP pada tahun ini juga telah melantik seorang Pengurus Asrama (N41) yang bertanggungjawab menguruskan asrama pelajar Wilayah Persekutuan di Mesir.

PERANCANGAN STRATEGIK MAIWP

MAIWP buat pertama kali sejak penubuhannya telah merangka Perancangan Strategik 5 Tahun MAIWP 2009-2013 bagi memperkemas pengurusanannya dan mengoptimumkan sumbangannya kepada masyarakat. Bengkel bagi

MAIWP also has been sending its staff to relevant courses to improve their skills, efficiency and professionalism in their respective fields. Throughout 2008, a total of RMO.35 million was spent for that purpose.

2008 was also the year when MAIWP welcomed the new Chief Executive Officer, Tuan Haji Anan bin C. Mohd who officially reported his duty at MAIWP on the 1st September 2008. He replaced Tuan Haji Othman bin Mustapha who was elected as the Deputy Director General (Operation) of Jabatan Kemajuan Islam Malaysia or JAKIM (Malaysian Islamic Development Department).

This year, MAIWP has elected a Hostel Manager (N41) who is responsible to manage and administer the hostel of Federal Territory student in Egypt.

MAIWP STRATEGIC PLANNING

For the first time since its inception, MAIWP formulated a 5 Years Strategic Planning 2009-2013 in order to enhance its management capability and to optimise its contribution to the community. A workshop was organised to draw

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim, Ketua Eksekutif Kumpulan Johor Corporation merupakan antara tokoh korporat yang dijemput membentangkan kertas kerja pada Seminar Perancangan Strategik 5 Tahun MAIWP

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Muhammad Ali Hashim, the Chief Executive of Johor Corporation Group was one of the corporate figures invited for paper presentation at the MAIWP's 5 Years Strategic Planning Seminar



menyediakan draf awal perancangan tersebut telah diadakan pada 23 dan 25 April 2008 yang kemudiannya diperhalusi lagi melalui Seminar Perancangan Strategik yang telah diadakan pada 6 hingga 8 November 2008 melibatkan tokoh akademik dan para profesional. Perancangan Strategik 5 Tahun MAIWP menyentuh 5 aspek teras yang menjadi fungsi utama MAIWP iaitu pengurusan zakat dan wakaf, pembangunan hartanah dan pelaburan, pembangunan sosio ekonomi ummah, penjaan modal insan dan pembasmian kemiskinan melibatkan miskin tegar (golongan fuqara') dan separa tegar (golongan masakin).

PELAKSANAAN AGIHAN ZAKAT SECARA EFISIEN

MAIWP dari tahun ke tahun sentiasa mempergiatkan usahanya untuk membantu umat Islam melalui program agihan zakat. Ini kerana prestasi kutipan zakat yang memberangsangkan di Wilayah Persekutuan membolehkan MAIWP merancang dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti demi manfaat umat Islam.

Pengagihan zakat yang menyeluruh oleh MAIWP melalui Bahagian Baitulmal pada tahun 2008 dilaksanakan sehingga menjangkau angka RM122.64 juta berbanding RM107.86 juta pada tahun 2007. Jumlah pengagihan ini meningkat sebanyak RM14.78 juta atau 13.7%. Sejalan dengan objektif MAIWP iaitu untuk menangani/membasmi kemiskinan dan meningkatkan pembangunan sosio ekonomi umat Islam, MAIWP menyediakan 26 skim bantuan zakat yang meliputi aspek pembangunan insan, pembangunan ekonomi, pembangunan sosial, pembangunan pendidikan dan pembangunan institusi agama. Dalam hal ini MAIWP memberikan keutamaan terhadap usaha murni ini dengan meletakkan asas ketelusan, keberkesanan dan keadilan di dalam pelaksanaannya.

Bantuan Kewangan Bulanan

Seramai 3,715 orang asnaf fakir, 2,270 orang asnaf miskin dan 230 asnaf muallaf telah menerima bantuan kewangan bulanan sepanjang tahun 2008. Bantuan ini diberikan bertujuan meringankan beban mereka dalam memenuhi keperluan asasi seterusnya membolehkan mereka menumpukan usaha untuk mencari pendapatan yang lebih baik.

up a draft of the plan on the 23rd and 25th April 2008 which was later refined in the Strategic Planning Seminar from 6th to 8th November 2008 involving academic figures and professionals. The 5 Years Strategic Planning of MAIWP touched 5 cores aspects which drives the main functions of MAIWP namely management of zakat and wakaf, property and investment development, socio-economic development of the ummah, human capital development and poverty eradication involving the hardcore poor (fuqara') and semi-hardcore poor (masakin).

EFFICIENT IMPLEMENTATION OF ZAKAT DISTRIBUTION

MAIWP, one year after another has always increased their efforts to assist the muslims through the zakat distribution programme. This is because the encouraging zakat collection in the Federal Territory has enabled MAIWP to plan and implement various programmes and activities for the benefits of the muslims.

The comprehensive zakat distribution by MAIWP through the Baitulmal Department in 2008 was implemented until the amount reached RM122.64 million compared to RM107.86 million in 2007. The total distribution increased by RM14.78 million or 13.7%. In line with MAIWP objectives which are eradicating poverty and increasing the ummah socio-economic development, MAIWP has come up with 26 zakat schemes which take care of the following aspects: the human capital development, economic development, social development, education development and religious institution development. MAIWP considers this important effort a priority by emphasising transparency, effectiveness and fairness in the implementation.

Monthly Financial Assistance

A total of 3,715 hardcore poor asnaf, 2,270 poor asnaf, 230 muallaf asnaf received monthly financial assistance during the year 2008. This assistance were provided for the purpose to ease their burden in meeting their basic needs and therefore allow them to focus their efforts to seek better income.

Penerima-penerima bantuan ini juga diberikan kursus-kursus motivasi dan kemahiran agar mereka dapat berusaha mengubah diri ke tahap yang lebih baik.

Pada tahun 2008, MAIWP telah memilih seramai 90 orang dari kalangan penerima bantuan kewangan bulanan yang mempunyai minat dan dilihat berpotensi untuk menceburi bidang perniagaan. Mereka ini telah diberi latihan dan bimbingan dalam bidang jahitan, masakan dan pembuatan roti sehingga mampu memulakan perniagaan sendiri.



Recipients of these assistance were also given motivational and skill trainings so that they are able to change for the better.

In 2008, MAIWP selected 90 recipients of the monthly financial assistance who were interested and seemed to have the potential to get into the business field. They were given some training and guidance in tailoring, cooking and breadmaking until they were able to start their own businesses.

Kursus pembuatan roti adalah antara usaha yang dilaksanakan MAIWP bagi mengeluarkan asnaf daripada kepompong kemiskinan

Bakery Course was one of MAIWP's efforts to free asnaf from the shackles of poverty

Bantuan Tempat Kediaman

Pelbagai bantuan telah disediakan oleh MAIWP di dalam menyediakan dan menampung kos tempat tinggal agar golongan asnaf dapat menjalani kehidupan yang lebih sempurna dan seimbang. Justeru di bawah bantuan tempat kediaman, MAIWP memberi bantuan bina rumah, baiki rumah dan bayaran sewa rumah bagi memastikan asnaf memiliki tempat tinggal yang selesa. Pada tahun 2008, MAIWP telah menyalurkan bantuan kepada 396 orang asnaf fakir, 151 asnaf miskin dan 32 orang asnaf muallaf bagi membiayai sewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan 23 orang telah dibantu bagi deposit beli rumah dengan kadar RM35,000 setiap seorang.

Rawatan Sakit Kronik

MAIWP menyediakan bantuan rawatan kepada pesakit kronik seperti penyakit buah pinggang, jantung, pelbagai jenis kanser dan sebagainya yang disahkan oleh pihak hospital sebagai sakit kronik.

Housing Assistance

MAIWP has come up with housing assistance in providing and bearing the housing costs so that the asnaf groups are able to lead a better and balanced life. Therefore, included in the housing assistance scheme, MAIWP has funded building of houses, maintenance of the houses and housing rental to ensure that the asnafts are able to live comfortably. In 2008, MAIWP has channelled funds to 396 hardcore poor asnafts, 151 poor asnafts and 32 muallaf asnafts for them to rent the houses in the Dewan Bandaraya Kuala Lumpur People Housing Project (PPR) while 23 asnafts were helped in paying deposits to buy houses at RM35,000 each.

Treatments for Chronic Diseases

MAIWP also provide funds for treatments required by patients with chronic diseases like kidney problems, heart diseases, various types of cancer and others which are endorsed by the hospital as

Dari bulan Januari hingga Disember 2008, seramai 349 orang pesakit telah menerima bantuan berkenaan dan MAIWP telah menyumbangkan sebanyak RM1.18 juta termasuk pembelian ubat-ubatan dan peralatan kesihatan.

Rawatan Haemodialisis

Wang zakat juga turut diagihkan bagi membantu pesakit buah pinggang mendapatkan rawatan haemodialisis. Kos rawatan haemodialisis yang tinggi membebankan lagi mereka yang kurang bernasib baik. Oleh yang demikian, MAIWP telah menyediakan bantuan rawatan haemodialisis bagi membantu pesakit yang tidak berkemampuan mendapatkan rawatan yang sebaiknya. Pada tahun 2008, MAIWP telah menyumbangkan RM5.27 juta kepada 261 orang pesakit yang menjalani rawatan di 23 klinik panel dialisis MAIWP.



chronic. From January to December 2008, 349 patients have received the assistance and MAIWP contributed RM1.18 million which was also used for buying medical supplies and health equipment.

Haemodialysis Treatment

The zakat collection is also distributed to help the kidney patients go for haemodialysis. The high cost of haemodialysis treatment becomes an added burden to the already unfortunate ones. Because of that, MAIWP has come up with the haemodialysis assistance to ensure that the patients with low income to get a decent treatment. In 2008, MAIWP contributed RM5.27 million to 261 patients through 23 MAIWP panel clinics.

Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengurus Baitulmal MAIWP (kanan) melakukan lawatan ke salah sebuah klinik panel dialisis MAIWP. MAIWP sehingga tahun 2008 telah melantik sebanyak 23 buah klinik panel dialisis bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan mendapatkan rawatan haemodialisis

Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, MAIWP's Baitulmal Manager (right) visiting one of MAIWP's dialysis panel clinics. As of end of 2008, MAIWP has appointed 23 dialysis panel clinics to assist the less fortunate to get their haemodialysis treatment

Pembangunan Ekonomi

Rancangan pembangunan ekonomi yang dilaksanakan oleh MAIWP memberi peluang kepada asnaf yang proaktif, berminat dan berkecualan untuk mendapatkan bantuan ekonomi. Bantuan yang diberikan meliputi modal perniagaan, pertanian, penternakan dan modal pusingan. Proses pemilihan yang dilaksanakan agak ketat kerana MAIWP mahukan asnaf yang benar-benar layak sahaja terpilih. MAIWP melihat bantuan ini sebagai jalan keluar bagi menangani kemiskinan di kalangan asnaf dengan mewujudkan peluang-peluang perniagaan mahupun pekerjaan. Justeru itu MAIWP memberi tumpuan kepada pembangunan usahawan dengan menyediakan bantuan berbentuk modal awal dan tambahan, kursus serta latihan kemahiran kepada asnaf yang terpilih.

Economic Development

The economic development planning implement by MAIWP provides opportunities to the asnafs who are proactive, keen and qualified to obtain economic assistance. The assistance provided include business capital, agriculture, animal husbandry and revolving capital. The selection process was quite strict because MAIWP intends to make sure that only the qualified asnafs will be selected. MAIWP regards this assistance as a way to eradicate poverty among the asnafs by creating business opportunities as well as jobs. That is why MAIWP focuses on entrepreneurial development by providing help in the form of start up and additional capital, skill trainings and courses to the selected asnafs.

Pada tahun 2008, MAIWP telah memperuntukkan sebanyak RM3.28 juta kepada seramai 971 orang asnaf yang layak. Suntikan modal permulaan berjumlah RM5,000 diberikan setelah jenis perniagaan ditetapkan. Ketika ini perniagaan yang dibantu oleh MAIWP ialah peruncitan, perusahaan makanan tradisional, restoran, bengkel dan kraftangan.

Kemahiran dalam bidang keusahawanan juga turut diperhatikan. Oleh yang demikian, setiap pemohon bantuan perniagaan adalah diwajibkan mengikuti Kursus Usahawan Perantis yang dianjurkan oleh MAIWP. Kursus-kursus tersebut menekankan tentang asas perniagaan yang mencakupi aspek pemasaran, kemahiran berkomunikasi, asas perakaunan dan pengurusan kewangan.

In 2008, MAIWP allocated RM3.28 million to 971 qualified asnafs. The injection of start up capital amounting to RM5,000 is given after the type of business is determined. Currently, the types of businesses assisted by MAIWP are retailing, traditional food industries, restaurants, workshops and handicrafts.

Skills in entrepreneurialship are also given due attention. Thus, each applicant for the business assistance is made compulsory to attend Entrepreneur Apprentice Course organised by MAIWP. These courses emphasise basic business knowledge which include marketing aspects, communication skills, basic accounting and financial management.

Jadual / Table 1:
Kursus Yang Dianjurkan Oleh MAIWP Kepada Penerima Bantuan Perniagaan
Courses Organised by MAIWP For The Recipients Of Business Assistance

BIL. No.	KUMPULAN Group	BILANGAN PESERTA No. Of Participants
1.	Kursus Asas Perniagaan (3 siri) <i>Business Fundamental Course (3 series)</i>	120
2.	Kursus Lanjutan Usahawan (3 siri) <i>Entrepreneurship Advance Course (3 series)</i>	112

Pembangunan Pendidikan

Pendidikan merupakan mekanisme penting di dalam melahirkan generasi yang bebas daripada kemiskinan. Kesedaran mengenai kepentingan pendidikan bukan sahaja diterapkan kepada ibu bapa, tetapi juga di kalangan anak-anak asnaf. Melalui program ini, MAIWP membuka peluang kepada anak-anak asnaf untuk belajar ke peringkat lebih tinggi.

Dua kategori bantuan disediakan iaitu kategori pertama kepada asnaf fakir dan miskin dan kategori kedua kepada asnaf fisabilillah. Bagi mereka yang tersenarai untuk menerima bantuan ini di bawah kategori pertama, MAIWP menyediakan bantuan pendidikan bermula dari sekolah rendah sehinggalah ke peringkat universiti. Mereka dibantu

Education Development

Education is an important mechanism in developing a zero-poverty generation. The awareness on the importance of education should not only instilled in parents but also among the children of the asnafs. Through this programme, MAIWP opens a lot of opportunities to the asnaf children to get a higher education.

There are two categories of assistance provided; the first category is meant for the hardcore poor and poor asnafs and the second category is meant for the asnafs involving in fisabilillah. For those listed to receive this assistance under the first category, MAIWP provides education assistance starting from the primary school up to university

sepenuhnya merangkumi yuran, pakaian seragam, peralatan persekolahan bagi peringkat sekolah rendah dan menengah. Manakala bagi peringkat universiti bantuan diberikan meliputi kos pengajian, penginapan dan elaun sara hidup bagi setiap pelajar.

Pada tahun 2008, MAIWP telah mengagihkan bantuan persekolahan anak asnaf fakir/miskin sebanyak RM8.71 juta kepada 6,688 orang pelajar sekolah rendah dan 7,381 orang pelajar sekolah menengah.

Bagi kategori kedua iaitu asnaf fisabilillah atau mereka yang tidak tersenarai di bawah kategori fakir atau miskin, namun kurang berkemampuan menyediakan danapendidikan, MAIWP menyediakan dua jenis bantuan iaitu Bantuan Am Pelajaran dan Biasiswa Pelajar Cemerlang. Bagi Bantuan Am Pelajaran, MAIWP memperuntukkan sebanyak RM5,000 setahun kepada pelajar peringkat Sarjana Muda yang mengikuti pengajian di luar negara, RM4,000 setahun kepada pelajar di dalam negara, RM3,500 setahun bagi pelajar peringkat Diploma dan RM1,500 setahun bagi pelajar peringkat Sijil.

levels. They are fully sponsored encompassing fees, uniforms, stationaries for primary and secondary levels. Whereas for university level, the assistance encompasses study costs, housing and living allowances for each student.

In 2008, MAIWP distributed education assistance to the children of the hardcore poor/poor amounting to RM8.71 million to 6,688 students from primary schools and 7,381 students from secondary schools.

As for the second category which is fisabilillah asnafs or those who are not listed in the hardcore poor and poor category but do not have enough fund for education, MAIWP provides two types of assistance which are Education General Assistance and Excellent Student Scholarship. For the Education General Assistance, MAIWP allocates RM5,000 per year for undergraduates studying overseas, RM4,000 per year for students studying locally, RM3,500 per year for students at Diploma level and RM1,500 per year for students at certificate level.



YB. Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (kiri) menyampaikan anugerah kepada penerima-penerima bantuan pendidikan MAIWP yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik

YB. Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Deputy Minister in the Prime Minister's Department (left) presenting awards to recipients of MAIWP's education assistance who have done exceptionally well in academics

Bagi meraikan anak asnaf yang berjaya, MAIWP menganjurkan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Untuk Anak Asnaf sebagai penghargaan di atas kejayaan mereka meraih keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Seramai 133 anak asnaf fakir dan miskin Wilayah Persekutuan yang mencatatkan keputusan cemerlang pada peperiksaan 2007 menerima anugerah dari MAIWP.

Mereka terdiri dari para pelajar sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi yang mendapat pembiayaan dari MAIWP. Daripada

To acknowledge the successful asnaf children, MAIWP organised the Excellent Student Award Ceremony for them as an appreciation for their success in getting excellent results in the examinations. 133 children of the hardcore poor and poor asnafs from Federal Territory who obtained excellent result in the 2007 examinations received their awards from MAIWP.

These students comprised of students from primary schools, secondary schools and university and colleges who are sponsored by MAIWP. 20

jumlah itu, seramai 20 orang adalah pelajar cemerlang dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), 9 orang pelajar dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama (UPSRA), 20 orang pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR), 15 orang pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 16 orang pelajar dalam Sijil Menengah Agama (SMA) dan 17 orang pelajar dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Manakala 20 orang pelajar menerima anugerah kecemerlangan bagi Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), 10 orang pelajar peringkat Diploma, dan 6 orang pelajar peringkat Sarjana Muda.

Kecemerlangan anak asnaf ini dicapai antaranya melalui hasil usaha MAIWP menyalurkan bantuan wang zakat dalam aspek pembangunan pendidikan. Usaha ini dilaksanakan sebagai salah satu daripada strategi untuk membasmi kemiskinan dengan tumpuan kepada generasi muda.

Selain itu, MAIWP turut menyalur bantuan berjumlah RM5.2 juta kepada institusi-institusi pendidikan yang berada di bawah MAIWP. Institusi-institusi berkenaan adalah Institut Profesional Baitulmal (IPB), Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) dan Kolej Kejururawatan PUSRAWI. Jumlah pelajar yang menerima bantuan berkenaan adalah seperti berikut:

Jadual / Table 2:

Jumlah Pelajar Institusi Pendidikan di Bawah MAIWP Yang Menerima Bantuan Zakat MAIWP
Total Students at Education Institutes Under MAIWP Receiving Zakat Aid by MAIWP

BIL. No.	INSTITUSI Institution	BILANGAN PELAJAR Number Of Students
1.	Institut Profesional Baitulmal <i>Baitulmal Professional Institutes</i>	2,032
2.	Kolej Kejururawatan PUSRAWI <i>PUSRAWI Nursing College</i>	105
	JUMLAH TOTAL	2,137

Pembangunan Institusi Tahfiz dan Memartabatkan Golongan Huffaz

Pada tahun 2008, MAIWP telah melaksanakan Skim Bantuan Galakan Hafaz al-Quran bertujuan untuk memberi galakan (insentif) kepada para

of them were excellent students in Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), 9 students in Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama (UPSRA), 20 students in the Penilaian Menengah Rendah (PMR), 15 students in Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 16 students in Sijil Menengah Agama (SMA) and 17 students in Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). 20 students received awards for excellence for Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), 10 students at Diploma level, and 6 students at the undergraduate level.

The excellence among the asnaf children was achieved through the unending effort by MAIWP channelling the zakat fund towards education development. This effort has been implemented as a strategy to eradicate poverty focusing on the younger generation.

Other than that, MAIWP also channels funds amounting to RM5.2 million to the education institutions under MAIWP. These institutions are Baitulmal Professional Institutes (IPB), Baitulmal Skills Institute (IKB) and the Nursing College (PUSRAWI). Total number of recipients are as follows:

Development of Tahfiz Institutions and Making the Huffaz More Respectable

In 2008, MAIWP implemented the al-Quran Memorisation Encouragement Scheme aimed at providing incentives for the Huffaz in the Federal

penghafaz Al-Quran di Wilayah Persekutuan. Skim ini juga bertujuan untuk menarik minat lebih ramai orang awam untuk menghafaz al-Quran dan seterusnya meningkatkan bilangan penghafaz al-Quran di Wilayah Persekutuan.

Pada tahun 2008, MAIWP telah memberikan imbuhan sebanyak RM0.15 juta kepada 83 orang penghafaz al-Quran di Wilayah Persekutuan yang telah lulus ujian hafazan berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh MAIWP.

Pembiayaan Aktiviti Institusi Agama dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO)

RM3.5 juta wang zakat telah diperuntukkan bagi tujuan membiayai aktiviti institusi agama seperti masjid dan surau di seluruh Wilayah Persekutuan. Sebanyak 60 buah masjid dan 219 buah surau telah menerima sumbangan zakat daripada MAIWP sepanjang tahun 2008.

MAIWP juga membiayai aktiviti-aktiviti NGO yang melakukan kerja-kerja dakwah dan memperkuat syiar Islam khususnya di Wilayah Persekutuan. Sumbangan yang diberikan ini juga adalah sebagai tanda sokongan MAIWP di atas usaha murni yang dijalankan.

Bantuan Musibah

Sepanjang tahun 2008, MAIWP turut membantu mereka yang ditimpa musibah seperti banjir, kebakaran dan sebagainya melalui Bantuan Musibah. Seramai 361 keluarga telah menerima bantuan musibah yang berlaku di sekitar Wilayah Persekutuan dengan jumlah keseluruhan bantuan sebanyak RM0.31 juta.



Territory. This scheme is also aimed to encourage more people from the public to memorise the al-Quran and subsequently increasing the number of Huffaz in Federal Territory.

In 2008, MAIWP has provided an incentive amounting to RM0.15 million to 83 huffaz in Federal Territory who passed the memorisation test based on the criteria determined by MAIWP.

Financing of Activities Carried Out By the Religious Institutions and Non Government Organisations (NGO)

A total of RM3.5 million was allocated towards financing the activities carried out by the religious institutions such as the mosques and musollas in Federal Territory. 60 mosques and 219 musollas received zakat contribution from MAIWP over the year 2008.

MAIWP also financed the NGO activities which concentrates on the dakwah and strengthening of Islam specifically in Federal Territory. The contribution also signifies support from MAIWP for the efforts.

Disaster Assistance

Over 2008, MAIWP also contributed to those who were met with disasters such as flood, fire and so on through the Disaster Assistance. 361 families received the assistance for disasters happening in Federal Territory which amounted to RM0.31 million.

Tuan Haji Anan bin C. Mohd, Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP (4 dari kanan, bersongkok) meninjau kawasan Sungai Penchala, Kuala Lumpur yang dilanda kebakaran pada 24 Oktober 2008 sebelum menyampaikan bantuan

Tuan Haji Anan bin C. Mohd, the Chief Executive Officer of MAIWP (4 from right) visited Sungai Penchala, Kuala Lumpur whose residents became fire victims on 24th October 2008 before the aid presentation ceremony

Bantuan Kepada Hospital

Hospital-hospital di Wilayah Persekutuan turut menerima sumbangan dengan jumlah keseluruhan RM1.05 juta. Hospital Kuala Lumpur, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) masing-masing menerima RM0.25 juta manakala Hospital Putrajaya menerima RM0.05 juta dan Hospital PUSRAWI salah sebuah syarikat MAIWP menerima RM0.25 juta. Sumbangan berkenaan disalurkan melalui tabung-tabung kebajikan yang terdapat di setiap hospital.

Melalui sumbangan tersebut, hospital-hospital berkenaan dapat membantu pesakit yang tidak berkemampuan untuk menjelaskan bil rawatan, menyediakan peralatan kesihatan dan lain-lain lagi.

Mewujudkan Pusat Agihan Zakat (PAZA)

Bagi melancarkan lagi agihan zakat dan memudahkan golongan asnaf datang ke kaunter-kaunter zakat, MAIWP telah membuka sebuah cawangan Pusat Agihan Zakat (PAZA) di Masjid al-Rahimah, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Cawangan PAZA berkenaan telah dirasmikan pada 25 Jun 2008. Aktiviti utama PAZA ialah mengagihkan zakat kepada golongan asnaf.

Sehingga kini sambutan golongan asnaf terhadap kewujudan PAZA adalah menggalakkan. PAZA telah menunjukkan keberkesanan di dalam membantu golongan asnaf di dalam meringankan beban kehidupan mereka. Bagaimanapun MAIWP akan meningkatkan lagi promosi dan hebahan tentang PAZA agar lebih ramai golongan asnaf dapat dibantu.

Penubuhan cawangan PAZA MAIWP ini diharap akan dapat meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan agihan zakat di Wilayah Persekutuan. Ia akan menjadi suatu usaha konkrit MAIWP untuk melaksanakan salah satu fungsinya di dalam memajukan sosio ekonomi umat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan ini. Pembayar zakat juga akan merasa yakin kerana mereka akan dapat mengetahui ke mana wang zakat mereka diagihkan dan ini akan mengekalkan kesetiaan mereka untuk terus membayar zakat di Wilayah Persekutuan.

Assistance to Hospitals

Hospitals in the Federal Territory also received contribution from MAIWP totalled RM1.05 million. Kuala Lumpur Hospital, University of Malaya Medical Center (PPUM) and National University of Malaysia Medical Center (PPUKM) each received RM0.25 million while Putrajaya Hospital received RM0.05 million and PUSRAWI Hospital, a subsidiary of MAIWP received RM0.25 million. These contributions were channelled through welfare funds available at the respective hospitals.

The contribution enabled the hospitals to help patients who could not afford to pay for their medical bills, and buy the health equipments and others.

Creating the Zakat Distribution Centre (PAZA)

To facilitate zakat distribution through the zakat assistance schemes and make it easier for the asnafs to come to the zakat counters, MAIWP has opened up a branch of Zakat Distribution Centre (PAZA) at the al-Rahimah Mosque, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. The PAZA branch was officiated on 25 June 2008. The main activity for PAZA is distributing zakat to the asnafs.

Up to now, the response from the asnafs on the existence of PAZA has been encouraging. PAZA has demonstrated its effectiveness in helping out the asnafs in reducing their burden in life. Anyway, MAIWP will step up the promotional effort and announcement about PAZA so that more asnafs can be helped.

The establishment of PAZA MAIWP is hoped to improve the efficiency and effectiveness in zakat distribution in Federal Territory. It is going to be a concrete MAIWP effort to implement one of its function in improving the socio economy of Muslims specifically in Federal Territory. The zakat contributors will feel more confident because they know how the zakat money is distributed and this would sustain their loyalty in paying zakat in Federal Territory.



Penubuhan Pusat Agihan Zakat (PAZA) dilihat akan mampu menyumbang kepada peningkatan agihan zakat di Wilayah Persekutuan

The establishment of Zakat Distribution Center (PAZA) is seen to contribute towards the improvement of zakat distribution in the Federal Territory

Promosi Agihan Zakat Melalui Media Massa

Aspek promosi amat dititikberatkan oleh MAIWP di dalam memastikan masyarakat sentiasa peka dengan perkembangan terkini berkenaan agihan zakat di Wilayah Persekutuan. Media massa memainkan peranan yang amat penting dalam menyebarkan aktiviti agihan zakat MAIWP kepada masyarakat. Setiap aktiviti agihan zakat sentiasa mendapat liputan daripada media cetak dan juga media elektronik. Justeru itu, MAIWP sentiasa memastikan kerjasama erat terjalin dengan pihak media agar masyarakat peka dan mengetahui mengenai aktiviti terkini agihan zakat yang dilaksanakan oleh MAIWP. Hasil dari pendedahan media massa ini, masyarakat akan bertambah yakin dengan agihan yang dilaksanakan di MAIWP. Berikut merupakan kekerapan media massa memaparkan aktiviti agihan zakat MAIWP:

Promotion Of The Zakat Distribution Through Mass Media

The promotional aspect has always been emphasised by MAIWP to ensure that the society is always aware of the latest development in zakat distribution for Federal Territory. The mass media plays an important role in educating the public on the MAIWP zakat distribution activity. Every zakat distribution activity has always received coverage from the mass media and electronic media. So, MAIWP always makes sure that a good working relationship is maintained with the media so that the public at large would be aware about the current zakat distribution activity carried out by MAIWP. With the exposure by the mass media, society would be more confident in the distribution activities implemented by MAIWP. The following shows the frequency of the mass media informing the public on the MAIWP zakat distribution activity.

Jadual/ Table 3 :

Kekerapan Paparan Aktiviti Agihan Zakat MAIWP di Media Massa
Frequency Of The Mass Media Displaying The Zakat Distribution Activity By MAIWP

BIL. No.	MEDIA MASSA <i>Mass Media</i>	KEKERAPAN <i>Frequency</i>
1.	Utusan Malaysia	14 kali / <i>times</i>
2.	Berita Harian	10 kali / <i>times</i>
3.	Harian Metro	8 kali / <i>times</i>
4.	Sinar Harian	20 kali / <i>times</i>
5.	Majalah Anis	5 kali / <i>times</i>
6.	RTM (Melalui rancangan televisyen: <i>Dari Fail Baitulmal</i>)	13 episod / <i>episodes</i>
7.	RTM (Melalui rancangan televisyen: <i>Tijarah Ramadan</i>)	3 episod / <i>episodes</i>
8.	NTV7	5 kali / <i>times</i>

Zakat yang diagihkan dengan berkesan akan meningkatkan tahap sosio ekonomi ummah dan membantu mengurangkan kadar kemiskinan. Dalam hal ini MAIWP melalui Bahagian Baitulmal sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan jumlah agihan zakat yang mencakupi segenap aspek keperluan masyarakat dan ummah. Adalah menjadi harapan agar segala usaha MAIWP dalam memperkasakan agihan zakat di Wilayah Persekutuan ini dapat menjadi pemangkin ke arah meningkatkan martabat ummah.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

MAIWP sentiasa menekankan aspek pendidikan yang menjadi elemen penting dalam membentuk modal insan berpersonaliti unggul (*towering personality*). Sehingga tahun 2008, MAIWP mempunyai 4 institusi pendidikan merangkumi pengajian peringkat menengah hingga pengajian tinggi. Institusi tersebut adalah Sekolah Menengah Agama MAIWP, Institut Kemahiran Baitulmal, Institut Profesional Baitulmal dan Kolej Kejururawatan PUSRAWI.

Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP)

Sejak ditubuhkan pada tahun 2007, SMA-MAIWP kini mempunyai seramai 303 pelajar yang merangkumi keseluruhan pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 2. Seramai 131 pelajar Tingkatan 1 telah mendaftar dan diterima masuk ke SMA-MAIWP pada tahun 2008.

Dua buah asrama telah disediakan berasingan untuk menempatkan pelajar lelaki dan perempuan iaitu di bangunan Wisma Zelan dan Darul Kifayah. Seramai 182 pelajar perempuan ditempatkan di asrama Wisma Zelan yang terletak di Cheras manakala seramai 121 pelajar lelaki telah ditempatkan di Darul Kifayah, Gombak.

Secara keseluruhannya, prestasi para pelajar telah meningkat berbanding tahun lalu. Pada tahun ini, seorang pelajar Tingkatan 1 telah berjaya mendapat 9A dalam Peperiksaan Akhir Tahun yang dijalankan manakala seorang pelajar lagi mendapat 8A 1B. Bagi Tingkatan 2 pula, seramai 5 orang pelajar telah berjaya mendapat 8A 1B. Daripada jumlah tersebut, dijangka bilangan pelajar yang akan mencapai 9A dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2009 adalah seramai 10 orang.

Zakat distributed effectively will improve the level of socio economy of the ummah and will help reducing poverty. In doing this, MAIWP always put in a lot of effort to increase the amount of zakat distributed which encompasses all aspects of all the needs of the society and ummah. It is hoped that all efforts by MAIWP in strengthening the zakat distribution in Federal Territory will be a catalyst in making the ummah more respectable.

DEVELOPMENT OF HUMAN CAPITAL

MAIWP has always put an emphasis on education aspect which is an important element in moulding a quality human capital with towering personality. Up to 2008, MAIWP owns 4 educational institutions consisting of secondary education up to tertiary level. These institutions are Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP), Baitulmal Skills Institute (IKB), Baitulmal Professional Institute (IPB) and PUSRAWI Nursing College.

Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP)

Since its establishment in 2007, SMA-MAIWP currently has 303 students consisting of Form 1 and Form 2 students. 131 Form 1 students had registered and were accepted into SMA-MAIWP in 2008.

Two separate hostels accommodating male and female students are provided at the Wisma Zelan and Darul Kifayah buildings. 182 female students are placed in the Wisma Zelan hostel in Cheras and 121 male students are placed in Darul Kifayah in Gombak.

On the whole, the performance of the students has improved compared to last year. This year, a Form 1 student managed to score 9As in the Final Exam and another student scored 8A 1B. For the Form 2, 5 students scored 8A1B. Based on that, it is expected that the number of students scoring 9A in the PMR 2009 would be 10.

Sepanjang tahun 2008, prestasi pelajar dalam peperiksaan berada di tahap yang baik apabila peratus tertinggi yang dicatatkan bagi Tingkatan 1 adalah sebanyak 89% manakala peratus terendah pula adalah 54%. Bagi Tingkatan 2 pula, peratus tertinggi yang dicatatkan dalam peperiksaan adalah 89% manakala peratus terendah adalah 48%.

Selain penumpuan dalam bidang akademik, pihak pengurusansekolahjugatelahmengadakanpelbagai aktiviti kokurikulum. Ia bertujuan membentuk para pelajar agar mempunyai penampilan diri yang baik, daya kepimpinan serta jati diri yang bersesuaian dengan ajaran Islam. Sepanjang tahun 2008, sebanyak 32 aktiviti kokurikulum telah dilaksanakan oleh SMA-MAIWP.



Para pelajar Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) turut didedahkan dengan pelbagai aktiviti ko-kurikulum bagi memupuk *soft-skill* di kalangan para pelajar
Students at Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) were also given exposures in various co-curriculum activities to develop soft-skills amongst them

Sehingga akhir tahun 2008, SMA-MAIWP mempunyai seramai 24 orang guru dan 12 orang kakitangan bukan akademik. Peruntukan kewangan bagi pengurusan SMA-MAIWP adalah dibiayai sepenuhnya oleh MAIWP di mana sepanjang tahun 2008, jumlah peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak RM2 juta.

Pada tahun ini juga, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyerahkan tanah seluas 8.414 ekar di Bandar Tasik Permaisuri kepada MAIWP untuk digunakan sebagai tapak projek pembangunan SMA-MAIWP. Tanah tersebut akan dibangunkan dengan blok pentadbiran dan

In 2008, the performance of the students in examinations was satisfactory whereby the highest percentage achieved for the Form 1 was 89% and the lowest percentage recorded was 54%. As for Form 2, the highest percentage achieved in the examination was 89% and the lowest percentage recorded was 48%.

Apart from academic, the school administration also requires students to participate in the co-curricular activities. This is to mould the students into individuals with good personality, leadership qualities and self confidence in line with the teachings of Islam. Throughout 2008, 32 co-curricular activities were carried out by SMA-MAIWP.



Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (kiri) menyerahkan dokumen akujanji kepada Dato' Haji Che Mat bin Che Ali (kanan), Setiausaha MAIWP bagi penyerahan sebidang tanah di Bandar Tasik Permaisuri, Kuala Lumpur untuk dibangunkan dengan bangunan baru SMA-MAIWP
The Director General of Kuala Lumpur City Hall (left) handed over agreement documents to Dato' Haji Che Mat bin Che Ali, the Secretary of MAIWP (right) for the handing over of a piece of land at Bandar Tasik Permaisuri, Kuala Lumpur as site for the new SMA-MAIWP buildings

By the end of 2008, SMA-MAIWP has 24 teachers and 12 non-academic staff. Management of SMA-MAIWP is fully funded by MAIWP and for 2008, the allocation for the whole year was RM2 million.

This year, the Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) has surrendered 8.414 acres of land in Bandar Tasik Permaisuri to MAIWP to be used as an SMA-MAIWP project development site. An administration and academic block, laboratories, workshops, quarters, surau and various other

akademik, makmal, bengkel, asrama, kuarters, surau dan pelbagai infrastruktur lain serta akan mampu menampung seramai 1,200 orang pelajar. Projek pembinaan bangunan baru SMA-MAIWP dijangka akan bermula pada Januari 2009 dengan anggaran tempoh pembinaan selama 24 bulan.

Institut Kemahiran Baitulmal (IKB)

IKB yang ditubuhkan pada tahun 1989 adalah bertujuan memberi latihan kemahiran secara percuma kepada golongan fakir, miskin dan muallaf dari dalam dan luar Wilayah Persekutuan. Mereka yang terpilih untuk mengikuti pengajian di IKB akan menerima elaun bulanan sebanyak RM350 di samping yuran pengajian percuma, kemudahan penginapan dan pakaian seragam. Kursus-kursus yang ditawarkan di IKB telah mendapat pertauliahan Tahap 1 dan 2 oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Pada tahun 2008, bilangan pelatih yang mengikuti pengajian adalah seramai 131 orang.



Kursus-kursus kemahiran yang diberikan secara percuma di Institut Kemahiran Baitulmal diharap akan dapat membantu pelatih mencari pekerjaan atau memulakan perniagaan setelah tamat pengajian seterusnya membantu keluarga menjana pendapatan

Skill-based courses that were provided for free at Baitulmal Skills Institute would hopefully assist trainees in getting employment or to start a business upon completion of their training programme and in turn help generate income for families

infrastructure will be built on the land. These facilities will be able to accommodate 1,200 students. The project to erect a new building for SMA-MAIWP is expected to begin in January 2009 and the construction period is estimated to be 24 months.

Baitulmal Skills Institute (IKB)

The IKB which was established in 1989 for the purpose of providing skill development training for free to the hardcore poor, poor and the muallafs from Federal Territory and other areas. Those who are chosen to pursue the education in IKB will receive monthly allowance of RM350, fee exemption, accommodation and uniform. Courses offered at IKB have been accredited with Level 1 and 2 by the Department of Skills Development (JPK). In 2008, the number of trainees registered was 131.

Jadual / Table 4:
Pecahan Pelatih IKB 2008
Breakdown of IKB Trainees 2008

BIL. No.	KURSUS Courses	BILANGAN PELATIH Number Of Trainees
1.	Rekaan Fesyen & Pembuat Pakaian / <i>Fashion Designing & Clothes Making</i>	45
2.	Senilukis & Senireka / <i>Arts & Design</i>	21
3.	Perkhidmatan & Penyajian Makanan / <i>Food Service & Presentation</i>	28
4.	Kejuruteraan Elektrik / <i>Electrical Engineering</i>	20
5.	Teknologi Binaan Bangunan / <i>Building Construction Technology</i>	17
	JUMLAH TOTAL	131

Selain itu juga, MAIWP turut mempunyai dua buah institusi yang membantu golongan kurang bernasib baik di Wilayah Persekutuan. Anak-anak yatim dan golongan wanita yang tersasar arah diberi kemudahan perlindungan dan kebajikan di Kompleks Darul Kifayah dan Kompleks Dar Assaadah.

Kompleks Darul Kifayah (KDK)

Sepanjang tahun 2008, KDK menempatkan seramai 264 orang penghuni yang terdiri daripada 127 orang lelaki dan 137 orang perempuan. Tidak terhad kepada anak-anak yatim, Darul Kifayah turut menempatkan anak-anak daripada keluarga miskin dan muallaf.

Apart from that, MAIWP also operates two institutions to help the unfortunate ones in Federal Territory. The orphans and women who were involved in the unacceptable activities are provided with shelters and their welfare are taken care of at Kompleks Darul Kifayah and Kompleks Dar Assaadah.

Darul Kifayah Complex (KDK)

For the year 2008, the KDK has managed to place 264 occupants comprising 127 boys and 137 girls. Darul Kifayah Complex is not only limited to orphans but is also opened to children from poor families and newly Muslim converts.

Jadual / Table 5
Kategori Penghuni Darul Kifayah
Categories Of The Darul Kifayah Residents

BIL. No.	KATEGORI Category	BILANGAN PELATIH Number Of Trainees
1.	Yatim / <i>Orphan</i>	89 Orang / <i>occupants</i>
2.	Yatim Piatu / <i>Orphan (no parents)</i>	5 Orang / <i>occupants</i>
3.	Miskin / <i>Poor</i>	164 Orang / <i>occupants</i>
4.	Saudara Baru / <i>Newly converts</i>	6 Orang / <i>occupants</i>
	JUMLAH TOTAL	264 orang / <i>occupants</i>

Kompleks Dar Assaadah (KDS)

KDS adalah kompleks yang ditubuhkan oleh MAIWP sebagai rumah perlindungan yang menyediakan bimbingan dan tunjuk ajar kepada golongan remaja dan keluarga tersasar arah. Sehingga akhir tahun 2008, KDS menempatkan seramai 48 orang wanita, 4 keluarga, 2 keluarga muallaf dan 5 orang muallaf lelaki. Sejumlah RM2.12 juta merangkumi peruntukan zakat, geran kerajaan dan geran KDS telah dibelanjakan sepanjang tahun 2008 bagi menampung perbelanjaan pengurusan di KDS.

Dar Assaadah Complex (KDS)

KDS was established to accommodate and provide guidance to the youngsters and families who somehow deviated from the Islamic norms. By the end of 2008, KDS had taken in 48 women, 4 families, 2 muallaf families and 5 male muallafs. A total of RM2.12 million consisting of zakat allocation, government grants and KDS grants was spent in 2008 to fund the management expenditure of KDS.

Jadual/ Table 6:
Perbelanjaan KDS Bagi Tahun 2008
KDS Expenditure For 2008

BIL. No.	PERUNTUKAN <i>Allocation</i>	PERBELANJAAN (RM) <i>Expenditure (RM)</i>
1.	Zakat / <i>Zakat</i>	7,700
2.	Geran KDS / <i>KDS Grant</i>	1,609,100
3.	Geran Kerajaan / <i>Government Grant</i>	499,900
	JUMLAH / TOTAL	2,116,700

Darul Hannan

Darul Hannan merupakan sebuah pusat asuhan kanak-kanak yang ditubuhkan oleh MAIWP yang menyediakan penjagaan dan pendidikan harian bagi kanak-kanak berusia 2 bulan hingga 4 tahun. Sehingga akhir tahun 2008, Taska Darul Hannan menempatkan seramai 14 orang kanak-kanak berusia 1 hingga 4 tahun.

Darul Hannan

Darul Hannan is a care center for children establish by MAIWP to provide day care and education for children aged between 2 months to 4 years. As of the year ending 2008, Darul Hannan Day Care Center has managed to place 14 children aged between 1 to 4 years.

Tadika Islam Wilayah Persekutuan

Tadika-tadika Islam di Wilayah Persekutuan dikendalikan oleh MAIWP setelah Mesyuarat MAIWP Kali Ke-104 pada 21 April 2008 telah bersetuju supaya pengurusan Tadika Islam yang sebelum ini dikendalikan oleh JAWI diletakkan di bawah MAIWP. Sehingga akhir tahun 2008, terdapat sebanyak 78 tadika Islam di Wilayah Persekutuan dengan jumlah murid seramai 5,883 orang,

Federal Territory Islamic Kindergarten

Islamic kindergartens in the Federal Territory was placed under the management of MAIWP after the 104th MAIWP Meeting held on the 21st April 2008 agreed that the management of Islamic Kindergarten be, which was previously under the jurisdiction of JAWI be placed under MAIWP. As of the year ending 2008, there were 78 Islamic kindergartens In the Federal Territory with total enrolment of 5,883 pupils.

Pada tahun ini juga, MAIWP telah mengadakan sesi temuduga kepada seramai 326 orang GuruTadika dan 36 orang Pembantu Tadika untuk diserap sebagai pekhidmat awam MAIWP secara kontrak

IKB, KDK, KDS, Darul Hannan dan Tadika Islam adalah diletakkan di bawah pengurusan Bahagian Pembangunan Insan (BPI), iaitu satu bahagian baru di bawah MAIWP setelah pengstrukturian semula organisasi MAIWP diluluskan pada tahun 2007. Sehingga akhir tahun 2008, BPI mempunyai sebanyak 99 jawatan merangkumi 78 jawatan tetap dan 21 jawatan kontrak. BPI diketuai oleh Pengurus berjawatan gred 52.

Usaha MAIWP dalam bidang pendidikan diteruskan sehingga ke tahap pengajian peringkat tinggi dan profesional. Untuk tujuan ini, MAIWP telah menubuhkan 2 buah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) iaitu Institut Profesional Baitulmal (IPB) dan Kolej Kejururawatan PUSRAWI yang masing-masing dikendalikan syarikat milik MAIWP iaitu Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. dan Syarikat Anggun Mulia Sdn. Bhd.

PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (IT)

Kemampuan dan kepakaran MAIWP dalam bidang Teknologi Maklumat (IT) terbukti apabila sistem e-Mualaf yang dibangunkan oleh MAIWP telah dijadikan model oleh negeri-negeri lain. Persidangan Ketua-ketua Jabatan / Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke-77 yang telah diadakan pada 19 hingga 22 Julai 2008 di Kuantan, Pahang telah menjemput MAIWP bagi membentangkan mengenai sistem tersebut. Sistem e-Mualaf dibangunkan oleh MAIWP dan digunapakai oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dalam menguruskan rekod muallaf.

Selain daripada sistem tersebut, MAIWP pada tahun-tahun sebelumnya turut membangunkan sendiri Sistem Kewangan dan Perakaunan MAIWP (SKEAMA) dan Sistem Maklumat Agihan Zakat (SMAZ) bagi menambah kecekapan dan memudahkan proses kerja dalam aspek kewangan dan agihan zakat.

Laman web MAIWP juga turut dimanfaatkan sebaik yang mungkin bagi menyampaikan maklumat-maklumat terkini mengenai MAIWP. Laman web

During this year, MAIWP has conducted interview sessions involving 326 Kindergarten Teachers and 36 Kindergarten Assistants to be appointed as MAIWP's contractual public services appointees.

IKB, KDK, KDS, Darul Hannan and Islamic Kindergartens were placed under the management of the Human Development Division (BPI), that is a new division under MAIWP after the organisation restructuring of MAIWP was approved in 2007. As of end of 2008, BPI has 99 positions comprised on 78 permanent positions and 21 contractual positions. The BPI is headed by a Manager of grade 52

MAIWP's continuous efforts in the education field goes on up to the tertiary and professional level. For this purpose, MAIWP has established 2 Private Colleges; the Baitulmal Professional Institute (IPB) and the PUSRAWI Nursing College which are administered by MAIWP owned companies; the Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd and Syarikat Anggun Mulia Sdn. Bhd respectively.

DEVELOPMENT IN INFORMATION TECHNOLOGY (IT)

The expertise and capability of MAIWP in the IT field was proven when the e-Mualaf, developed by MAIWP was modelled by other states. The Persidangan Ketua-ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke-77 held from 19th to 22nd July 2008 in Kuantan, Pahang invited MAIWP to present their system. The e-mualaf is used by Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) to manage the record of those who converted to Islam.

Besides the system, MAIWP, in previous years had also developed a MAIWP Financial and Accounting System (SKEAMA) and Zakat Distribution Information System (SMAZ) to be more efficient and to make the work process easier in financial and zakat distribution aspects.

MAIWP website is used to inform the public on current information on MAIWP. This website is filled with current news, advertisement, information

MAIWP dimuatkan dengan berita-berita semasa, iklan, maklumat mengenai bantuan zakat yang disediakan oleh MAIWP dan sebagainya. Pemohon-pemohon bantuan kini boleh mendapatkan borang permohonan bantuan zakat dengan hanya memuat turun daripada laman web MAIWP. Ia adalah salah satu langkah yang diambil bagi memudahkan proses permohonan bantuan seterusnya membantu meningkatkan jumlah agihan zakat.

HARTANAH MAIWP

Pada tahun 2008, MAIWP telah meluluskan peruntukan sebanyak RM23.66 juta bagi menguruskan aktiviti berkaitan pengurusan hartanah MAIWP. Peruntukan tersebut terdiri daripada peruntukan zakat, sumber am dan wakaf.

on zakat contribution by MAIWP and so on. Applicants for this assistance can now download the application form from the website. This is to simplify the application process and subsequently increase the amount of zakat contribution.

MAIWP REAL ESTATE PROPERTIES

In 2008, MAIWP approved an allocation of RM23.66 million for the management of MAIWP real estate properties. This allocation consists of zakat allocation, general resources and wakaf.

Jadual/ Table 7:

Peruntukan Bagi Aktiviti Pengurusan Hartanah MAIWP 2008
Allocation for Management of MAIWP Real Estate Properties 2008

BIL. No.	SUMBER KEWANGAN <i>Financial Resource</i>	PERUNTUKAN (RM) <i>Allocation (RM)</i>
1.	Zakat / <i>Zakat</i>	23,556,000
2.	Sumber Am / <i>General Resources</i>	100,000
3.	Wakaf / <i>Wakaf</i>	5,000
	JUMLAH / TOTAL	23,666,000

Bagi menambah aset umat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan, MAIWP pada tahun ini telah membeli beberapa bidang tanah dan bangunan seperti berikut:

- pembelian 8 lot tanah (Lot 1506-1513) di Mukim Bandar Kuala Lumpur, Chow Kit (bersebelahan Bangunan Daruzzakah) dengan kos RM11 juta;
- pembelian 15 unit rumah teres lot tengah di Taman Ranca-Ranca Labuan dengan kos keseluruhan RM1.81 juta; dan
- pembelian sebuah bangunan bagi dijadikan asrama pelajar di Kaherah, Mesir dengan kos peruntukan RM8.75 juta.

To increase the asset ownership of the muslims specifically in Federal Territory, this year MAIWP purchased a few parcels of land and buildings as follows:

- purchase of 8 lots of land (Lot 1506-1513) in Mukim Bandar Kuala Lumpur, Chow Kit (next to Bangunan Daruzzakah) with a cost of RM11 million,*
- purchase of 15 units terrace houses (middle lots) in Taman Ranca-Ranca Labuan with a total cost of RM1.81 million and*
- purchase of a building to be used as a student hostel in Cairo, Egypt with a cost of RM8.75 million*

Pada tahun ini juga, MAIWP telah mendapat kelulusan hakmilik berasingan sebanyak 248 keping geran untuk projek usahasama Taman Pelangi Jaya, Sentul yang telah dilaksanakan semenjak tahun 1996. Selain itu juga, permohonan MAIWP bagi mendapatkan seluas 23 ekar tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di kawasan Setiawangsa, Kuala Lumpur telah diluluskan di mana tanah tersebut akan dijadikan tapak bagi pembinaan Sekolah Menengah Imtiaz MAIWP.

Sepanjang tahun 2008, 4 kali bayaran ljarah bagi pembiayaan pembangunan Kompleks Hospital PUSRAWI telah dibayar oleh MAIWP kepada Lembaga Tabung Haji berjumlah keseluruhan RM10.3 juta.

Semua aset MAIWP seperti bangunan pejabat, premis sewa dan lain-lain lagi sentiasa diselenggara dan dinaiktaraf bagi memastikan ianya berada pada tahap terbaik dalam konteks keselesaan, keselamatan dan keceriaan selaras dengan piawaian dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan. Oleh itu, bagi tahun 2008, sejumlah RM2.51 juta telah diperuntukkan bagi kerja-kerja penyelenggaraan tersebut.

MAIWP juga telah membelanjakan sebanyak RM4.3 juta bagi aktiviti-aktiviti pembangunan di premis MAIWP yang sedia ada termasuk di Kompleks Darul Kifayah, Kompleks Dar Assaadah, Hotel Putra KL dan sebagainya.

MAIWP pada tahun ini telah mula melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian dan rekabentuk dalaman di Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh yang akan dijadikan ibu pejabat baru MAIWP mulai tahun 2009. Kos bagi projek tersebut adalah sebanyak RM5.41 juta.

PELABURAN

Bagi meningkatkan sumber kewangan MAIWP dan mengembangkan dana zakat bagi faedah lapan asnaf, MAIWP telah membuat pelaburan di dalam skim-skim yang dibenarkan oleh Akta dan Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan. Pelaburan saham oleh MAIWP terdiri daripada Saham Amanah, Saham Awam, Simpanan Tetap Perbankan Islam, Simpanan Tetap Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Skim Ar-Rahnu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) serta pelaburan dalam syarikat-syarikat MAIWP.

In this year also, MAIWP obtained approval for separate ownership rights for 248 grants for the joint venture project Taman Pelangi Jaya, Sentul which has been implemented since 1996. Apart from that, MAIWP application to obtain a piece of 23 acre lands owned by the Commissioner of Federal Land in Setiawangsa, Kuala Lumpur was approved and the land will be used as a site for the building of Sekolah Menengah Imtiaz MAIWP.

Up to the end of 2008, MAIWP had made 4 ljarah payments to Lembaga Tabung Haji amounting to RM10.3 million for financing the development of PUSRAWI Hospital Complex.

All MAIWP assets such as the office buildings, rental premises and others are constantly maintained and upgraded to ensure that they are in an excellent condition for comfort, safety and cleanliness according to the standard and regulations set by the local authorities. Therefore, a total of RM2.51 million was allotted for the maintenance work.

MAIWP also has spent RM4.3 million for the development activities in the MAIWP premises including the Darul Kifayah Complex, Dar Assaadah Complex, KL Hotel Putra and so on.

This year, MAIWP has started the renovation and interior designing activities in the PERKIM building, Jalan Ipoh which would be turned to the new MAIWP head office in 2009. The total cost for the project is RM 5.41 million.

INVESTMENT

To increase the source of income for MAIWP and expand the zakat money for the benefits of the eight asnaf groups, MAIWP has invested in the schemes allowed by the Acts and the Federal Territory Syarak Laws Consultative Committee. The equity investment made by MAIWP consists of Unit Trusts, Public Trusts, Islamic Banking Fixed Deposit, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) Fixed Deposit, Ar-Rahnu Scheme, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) and investments in the MAIWP companies.

Sehingga tahun 2008, pelaburan MAIWP di dalam Saham Awam adalah berjumlah RM3.6 juta iaitu melalui saham Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sebanyak RM1.3 juta dan saham TH Plantation Berhad sebanyak RM2.3 juta. Kedua-dua pelaburan tersebut mencatatkan keuntungan di mana keuntungan bagi saham BIMB adalah sebanyak RM0.02 juta dan TH Plantation Berhad sebanyak RM0.23 juta.

Pelaburan MAIWP di dalam Saham Amanah adalah berjumlah RM2.7 juta iaitu melalui saham Hwang-DBS Dana Izdihar sebanyak RM2.35 juta dan saham Amanah Saham Darul Iman (ASDI) sebanyak RM0.38 juta. Keuntungan yang diperolehi daripada kedua-dua pelaburan tersebut masing-masing berjumlah RM0.21 juta dan RM0.05 juta. Sebanyak RM26.2 juta turut dilabur oleh MAIWP di dalam Akaun Amanah Institusi Amanah Raya Berhad (ARB).

MAIWP turut melabur di dalam Saham Syarikat yang mana sehingga tahun 2008, jumlah pelaburan adalah RM18.14 juta. Sebahagian besar pelaburan adalah di dalam syarikat-syarikat MAIWP yang terdiri daripada Hartasuci Sdn. Bhd., Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd., Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd., dan Syarikat Anggun Mulia Sdn. Bhd..

Up to 2008, total investment of MAIWP was RM3.6 million comprising of RM1.3 million Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) shares and RM2.3 million TH Plantation Berhad shares. The investments in BIMB and TH Plantation Bhd. made profits of RM0.02 million and RM0.23 million respectively.

MAIWP investment in Unit Trusts totalled up to RM2.7 million consisting of RM2.35 million HWANG-DBS Dana Izdihar shares and RM0.38 million shares of Amanah Saham Darul Iman (ASDI). The investments in HWANG-DBS Dana Izdihar and ASDI made profits of RM0.21 million and RM0.05 million respectively. MAIWP also invested in Trust Account of Amanah Raya Berhad Institution (ARB)

MAIWP also invested in companies shares whereby up to 2008, the total investments were RM18.14 million. Most of the investment was in the MAIWP companies which are Hartasuci Sdn. Bhd., Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd., Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. and Syarikat Anggun Mulia Sdn. Bhd..

Jadual/ Table 8:
Pelaburan Dalam Syarikat-Syarikat MAIWP Sehingga Disember 2008
Investments In MAIWP Companies Up to December 2008

BIL. No.	SYARIKAT Company	STATUS Status	JUMLAH SAHAM (RM) Total Shares (RM)
1.	Hartasuci Sdn. Bhd.	Aktif / <i>Active</i>	1,000,000.00
2.	Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd.	Aktif / <i>Active</i>	9,960,000.00
3.	Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd.	Aktif / <i>Active</i>	3,500,000.00
4.	Anggun Mulia Sdn. Bhd.	Aktif / <i>Active</i>	2,200,000.00
5.	Baitulmal Wilayah Zenith Battery Sdn. Bhd.	Dalam Proses Pembubaran / <i>In the process of liquidation</i>	1,477,071.40
6.	Pengangkutan Hartasuci Sdn. Bhd.	Dalam Proses Pembubaran / <i>In the process of liquidation</i>	2.00
JUMLAH / TOTAL			18,137,073.40

Selain itu, MAIWP turut membuat pelaburan melalui simpanan tetap Skim Perbankan Islam (SPI) di 12 institusi perbankan di Malaysia. Jumlah keseluruhan simpanan tetap dalam SPI adalah RM186 juta.

Pelaburan di dalam MAA Takaful Structured Link berjumlah RM40 juta dan Bank Islam An-Najah berjumlah RM20 juta merupakan pelaburan terbaru MAIWP dalam tahun 2008.

MAIWP CAWANGAN LABUAN

MAIWP cawangan Labuan beroperasi di Kompleks Ujana Kewangan, Wilayah Persekutuan Labuan. Pada tahun 2008, sebanyak RM7.59 juta wang zakat dan RM24,190 wang sumber am telah diperuntukkan kepada MAIWP cawangan Labuan. Daripada jumlah tersebut, RM7.03 juta wang zakat dan RM20,831 wang sumber am telah dibelanjakan.

Peruntukan wang zakat tersebut dibelanjakan melalui skim-skim bantuan yang sama terdapat di ibu pejabat MAIWP. Sepanjang tahun 2008, sebanyak 3,361 permohonan bantuan telah diluluskan oleh MAIWP cawangan Labuan. Selain itu juga, MAIWP cawangan Labuan telah mengadakan beberapa program agihan kepada masyarakat Islam di Labuan seperti Majlis Penyampaian Bantuan Musibah Banjir di Kampung Lubuk Temiang dan Kampung Batu Manikar, Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Mangsa Musibah Ribut di Kampung Bebuloh Laut, Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Pesakit-Pesakit Hospital Nukleus dan lain-lain lagi.

Apart from that, MAIWP also invests in the Fixed Deposit Skim Perbankan Islam (SPI) in 12 banking institutions in Malaysia. Total fixed deposit in SPI is RM186 million.

Investments in MAA Takaful Structured Link which totalled RM40 million and Bank Islam An-Najah totalling RM20 million are the latest MAIWP investments for 2008.

MAIWP-LABUAN BRANCH

The MAIWP Labuan Branch operates at Kompleks Ujana Kewangan, Federal Territory of Labuan. In 2008, a total of RM7.59 million of zakat funds and RM24,190 of general resources funds were allocated to MAIWP Labuan Branch. From that amount, RM7.03 million and RM RM20,831 were spent respectively.

The allocation of the zakat fund was channelled through the same schemes as the ones in the MAIWP headquarters. Throughout 2008, 3,361 applications for assistance were approved by the MAIWP Labuan Branch. Besides, the MAIWP Labuan Branch also came up with various distribution programme to the Islam communities in Labuan such as the Aid Presentation Ceremony to the Flood Victims in Kampung Lubuk Temiang and Kampung Batu Manikar, Aid Presentation Ceremony to the Storm Victims in Kampung Bebuloh Laut, Aid Presentation Ceremony to the Hospital Nukleus Patients and others.



Aktiviti turun padang MAIWP cawangan Labuan bersama penduduk-penduduk Labuan..Tuan Haji Anan bin C. Mohd, Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima bantuan zakat MAIWP cawangan Labuan. Hadir sama Pengurus MAIWP cawangan Labuan, Ustaz Ahmad Talmizi bin Yahya (kiri)

Field activities of MAIWP Labuan branch with the people of Labuan..Tuan Haji Anan bin C. Mohd, Chief Executive Officer of MAIWP (second from left) presenting contributions to one of the zakat recipients of MAIWP Labuan Branch. Also present was the Manager of MAIWP Labuan Branch, Ustaz Ahmad Talmizi bin Yahya (left)

Dalam aspek pendidikan, MAIWP cawangan Labuan telah menganjurkan 5 kursus motivasi dan kecemerlangan akademik kepada para pelajar yang akan menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama (UPSRA), Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pengurusan di MAIWP cawangan Labuan diketuai oleh seorang Pengurus gred S48, Timbalan Pengurus gred N48 dan dibantu oleh 38 orang pegawai dan kakitangan dalam pelbagai skim dan gred.

SYARIKAT MILIK MAIWP

Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd.

Semenjak penubuhannya pada tahun 1984, Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd. kini mampu untuk berdiri sama tinggi dengan hospital-hospital swasta yang lain. Sepanjang tahun 2008, pihak Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd. telah menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan dengan jumlah kes yang dikendalikan meningkat berbanding tahun 2007.

Jumlah kes yang dikendalikan bagi pesakit dalam telah meningkat sebanyak 18%, iaitu daripada 11,361 kes pada tahun 2007 kepada 13,462 kes pada tahun 2008. Manakala bagi kes pesakit luar, bilangan kes yang diterima adalah sebanyak 223,188 kes, peningkatan sebanyak 7% atau 13,918 kes berbanding tahun 2007.



Sehingga tahun 2008, Hospital PUSRAWI mempunyai seramai 431 orang kakitangan merangkumi kakitangan pengurusan dan perubatan. Bagi memastikan kualiti perkhidmatan perubatan yang diberikan adalah yang terbaik, seramai 50 orang pakar perubatan dalam pelbagai bidang telah ditempatkan di Hospital PUSRAWI.

In the education field, MAIWP Labuan Branch has organised 5 motivational and academic excellence courses for students sitting for Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama (UPSRA), Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) and Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

MAIWP Labuan Branch management is led by a S48 grade Manager, a N48 grade Assistant Manager and 38 officers of various grades and schemes.

MAIWP OWNED COMPANIES

Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd.

Since its inception in 1984, Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd can now boast that it is just as efficient and prestigious as the other private hospitals. Throughout the year 2008, the hospital has shown an excellent track record with an increase number of cases compared to 2007.

The number of in-patient cases handled by the hospital increased by 18% that is from 11,361 cases in 2007 to 13,462 cases in 2008. As for the outpatient, the number of cases taken in was 223,188, an increase of 7% or 13,918 cases compare to 2007.

Peralatan dan kelengkapan perubatan moden dan terkini yang digunakan oleh Hospital PUSRAWI membolehkannya memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada para pesakit. Modern and state of the art equipments and facilities at PUSRAWI Hospital has enabled them to provide excellent and quality services to patients

Up to 2008, Hospital PUSRAWI has 431 medical and management staffs on its payroll. To ensure a top quality service, 50 medical specialists in various fields are employed in Hospital PUSRAWI.

Hospital PUSRAWI sehingga tahun 2008 mempunyai 4 buah klinik cawangan yang beroperasi di sekitar Kuala Lumpur iaitu di Jalan Ipoh, Taman Permata, Jalan Semarak dan Ampang Indah.

**Hartasuci Sdn. Bhd.
(Pusat Pungutan Zakat MAIWP)**

Hartasuci Sdn. Bhd. atau lebih dikenali sebagai Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP) mencapai kejayaan besar pada tahun 2008. Jumlah kutipan zakat harta pada tahun 2008 melebihi daripada sasaran yang ditetapkan.

Pada tahun 2008, PPZ MAIWP berjaya mengutip zakat harta sebanyak RM206.26 juta daripada 67,872 orang pembayar zakat melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu RM180 juta. Secara keseluruhannya, jumlah kutipan yang telah dikumpul oleh PPZ MAIWP bagi pihak MAIWP semenjak awal penubuhan dari tahun 1991 hingga 2008 berjumlah RM1.35 billion.

Jumlah kutipan zakat pendapatan mencatatkan kutipan tertinggi iaitu RM137.57 juta (67%) diikuti zakat perniagaan RM28.7 juta (14%), zakat harta RM23.68 juta (11%), zakat wang simpanan RM15.06 juta (7%), lain-lain kutipan RM0.7 juta (0.3%) dan Qadha zakat RM0.55 juta (0.3%).

Pada tahun ini juga, PPZ MAIWP telah berpindah ke ibu pejabat baru iaitu di Wisma PPZ, Dataran Shamelin, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur.

By the end of 2008, Hospital PUSRAWI owns 4 clinics operating in Kuala Lumpur in Jalan Ipoh, Taman Permata, Jalan Semarak and Ampang Indah.

**Hartasuci Sdn. Bhd.
(MAIWP Zakat Collection Center)**

Hartasuci Sdn. Bhd. or more widely known as MAIWP Zakat Collection Center (PPZ MAIWP) showed an outstanding performance in 2008. Its total property zakat collection was way above the targeted amount.

In 2008, PPZ MAIWP succeeded in collecting RM206.26 million of property zakat from 67,872 people. This was beyond the targeted amount which was set at RM180 million. On the whole, the total collection by PPZ MAIWP on behalf of MAIWP since its inception in 1991 up to 2008 is RM1.35 billion.

Total collection from zakat of income registered the highest at RM135.57 million (67%) followed by business zakat at RM28.7 million (14%), property zakat at RM23.68 million (11%), savings zakat at RM15.06 million (7%), other collection at RM0.7 million (0.3%) and Qadha zakat at RM0.55 million (0.3%).

In this year as well, PPZ MAIWP had moved to the new headquarters at Wisma PPZ, Dataran Shamelin, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur.



Ibu pejabat baru Pusat Pungutan Zakat MAIWP di Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur
The new headquarters of MAIWP Zakat Collection Center at Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur

Ibu pejabat baru PPZ MAIWP ini menyediakan persekitaran kerja yang lebih selesa dan kondusif. Ibu pejabat lama PPZ MAIWP di Bangunan Daruzzakah, Lorong Haji Hussein 2 kini dijadikan sebagai kaunter pembayaran zakat.

PPZ MAIWP turut menyediakan pelbagai kemudahan dan saluran pembayaran zakat kepada masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan. Antaranya melalui 7 buah kaunter pembayaran zakat di Wisma PPZ Dataran Shamelin, Daruzzakah, Masjid Negara, Wangsa Maju, Putrajaya, Masjid At-Taqwa di Taman Tun Dr. Ismail dan Labuan. Perkhidmatan lain yang disediakan bagi memudahkan lagi umat Islam membayar zakat adalah:

- a) perkhidmatan potongan gaji untuk kakitangan kerajaan dan swasta;
- b) pembayaran secara pos;
- c) pembayaran di kaunter-kaunter bank yang dilantik;
- d) pembayaran menerusi perbankan internet;
- e) pembayaran menerusi kad kredit berasaskan syariah;
- f) pembayaran menerusi kad debit atau MEPS cash;
- g) pembayaran melalui kaunter-kaunter pos di seluruh Wilayah Persekutuan;
- h) pembayaran menerusi mesin kemasukan cek segera 24 jam; dan
- i) pembayaran menerusi ejen kutipan persatuan percukaian dan firma audit.

Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd.

Nama Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. (IPB) sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menawarkan kursus diploma dan profesional sudah tidak asing lagi bukan sahaja di Wilayah Persekutuan malah di Malaysia keseluruhannya. Sehingga tahun 2008, jumlah pelajar yang mengikuti pengajian sepenuh masa di IPB adalah seramai 1,123 orang. Sambutan yang menggalakkan ini membuktikan bahawa keupayaan IPB dalam melahirkan graduan yang berkualiti dan kompetitif telah mendapat kepercayaan

This new headquarters provides a more comfortable and conducive working environment. The previous headquarters at Bangunan Daruzzakah, Lorong Haji Hussein 2 is now being used as a zakat payment counter.

PPZ MAIWP also provides many other facilities and channels for zakat payment for the muslim community in Federal Territory. Among others are 7 counters for zakat payment at Wisma PPZ Dataran Shamelin, Daruzzakah, the National Mosque, Wangsa Maju, Putrajaya, Masjid At-Taqwa at Taman Tun Dr. Ismail and Labuan. Other facilities to make it easier for muslims to pay zakat are as follows:

- a) salary deduction services for staffs of government and private sector;*
- b) payments through postal service*
- c) payments at the counters in selected banks*
- d) payments through internet banking*
- e) payments through syariah based credit cards*
- f) payments through debit cards or MEPS cash*
- g) payments through postal counters in Federal Territory;*
- h) payments through the 24 hour cheque deposit machines, and*
- i) payments through agents from the taxing and auditing firm society*

Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd.

Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd. (IPB) as a Private Institute for Higher Education offering diploma and professional courses is well known in Federal Territory as well as throughout Malaysia. Up to 2008, the number of students pursuing education full time at IPB is 1,123. This overwhelming response has proven that the capability of IPB in producing quality and competitive graduates has earned the trust of the community. In 2008, IPB produced 534 graduates in various fields. This excellent performance was

masyarakat. Pada tahun 2008, IPB telah melahirkan seramai 534 orang graduan dalam pelbagai bidang. Prestasi cemerlang IPB turut dapat dilihat melalui anugerah-anugerah yang diraih sepanjang tahun 2008 oleh para pelajar. Anugerah-anugerah tersebut adalah seperti berikut:

- a) Anugerah Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- b) Anugerah World Silver Level 2 Book Keeping and Accounts
- c) Anugerah World Silver Level 2 Business Calculations
- d) Anugerah Country Gold Level 2 Business Calculation
- e) Anugerah Country Silver Level 2 Business Calculation
- f) Kolej Bersekutu Terbaik Fakulti Perakaunan UiTM

further proven by the awards the students received throughout 2008. The awards are as follows:

- a) The Universiti Teknologi MARA (UiTM) Vice Chancellor Award*
- b) The World Silver Level 2 Book Keeping and Accounts Award*
- c) The World Silver Level 2 Business Calculations Award*
- d) The Country Gold Level 2 Business Calculation Award*
- e) The Country Silver Level 2 Business Calculation Award*
- f) The Best Federate College of Accounting Faculty UiTM*



Pelbagai anugerah yang diterima oleh graduan Institut Profesional Baitulmal (IPB) membuktikan kemampuan IPB dalam melahirkan modal insan yang berkualiti

The various awards received by the graduates of the Baitulmal Professional Institute (IPB) are proof that IPB has the capability to produce quality human capital

MAIWP melalui Bahagian Baitulmal merupakan penaja utama kepada pelajar di IPB. MAIWP telah mewujudkan satu skim bantuan khas kepada pelajar IPB yang dikenali sebagai Skim Bantuan Pelajar IPB bagi membantu mereka yang kurang berkemampuan. Seramai 598 orang pelajar iaitu 53% daripada jumlah keseluruhan pelajar tahun 2008 mendapat bantuan tersebut. Selain bantuan tersebut, agensi-agensi lain turut menawarkan pinjaman/biasiswa seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan lain-lain lagi.

MAIWP through the Baitulmal Department is the main sponsor for students in IPB. MAIWP has come up with a special scheme to assist IPB students which is known as IPB Student Assistance Scheme to help those who less fortunate. 598 students or 53% of all students in 2008 had benefited from the scheme. Besides, other agencies such as Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) also offered loans/scholarships.

Walaupun IPB sudah menjadi tumpuan kepada mereka yang ingin menyambung pengajian di peringkat diploma dan profesional, IPB tetap giat menjalankan aktiviti-aktiviti promosi di seluruh Malaysia. Sepanjang tahun 2008 IPB telah menyertai sebanyak 31 aktiviti promosi berbentuk roadshow, karnival & ekspo pendidikan, pameran, ceramah dan pelbagai lagi. Prestasi IPB yang semakin meningkat juga mendapat perhatian daripada media massa di mana sebanyak 12 artikel mengenai IPB telah disiarkan di dalam beberapa media cetak sepanjang tahun 2008.

**Anggun Mulia Sdn. Bhd.
(Kolej Kejururawatan PUSRAWI)**

Anggun Mulia Sdn. Bhd. merupakan syarikat MAIWP yang mengendalikan Kolej Kejururawatan PUSRAWI. Tahun 2008 adalah tahun pertama Anggun Mulia Sdn. Bhd. menguruskan sepenuhnya aktiviti pentadbiran dan kewangan syarikat dan kolej yang mana pada tahun-tahun sebelum ini syarikat dan kolej adalah diurus oleh Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd.

Bagi tahun 2008, bilangan pelajar baru yang mengikuti pengajian adalah seramai 71 orang menjadikan jumlah keseluruhan pelajar seramai 208 orang. Pengambilan pelajar pada tahun ini meningkat berbanding tahun 2007 di mana pengambilan pelajar pada tahun tersebut adalah seramai 62 orang.

Pengurusan kolej yang teratur dan sistematik turut menjadi keutamaan oleh syarikat ini. Oleh yang demikian, bagi tujuan tersebut, syarikat ini telah menambah bilangan kakitangan kepada seramai 26 orang pada tahun 2008 berbanding 18 orang pada tahun 2007.



Eventhough IPB has been the focused of those who aspire to pursue education at diploma and professional levels, IPB still carries out the promotional activities all over Malaysia. In 2008, IPB participated in 31 activities like roadshows, carnivals and education fairs, exhibitions, talks and a lot more. IPB's improving performance has captured the attention from the media whereby 12 articles on IPB have been published in various printed media throughout 2008.

**Anggun Mulia Sdn. Bhd.
(PUSRAWI Nursing College)**

Anggun Mulia Sdn. Bhd. is a MAIWP company handling the PUSRAWI Nursing College. 2008 is the first year Anggun Mulia Sdn. Bhd. fully manages the administration and financial activities for the company and PUSRAWI Nursing College. Previously, the company and college were fully managed by Hospital PUSRAWI Sdn. Bhd.

In 2008, the number of new students registered was 71 resulting in a total number of 208. The recruitment of new students for 2008 has increased compared to 2007 when the number of new students taken in was 62.

An efficient and systematic management of the college has been a priority of this company. Therefore, for that purpose, the company increases the number of staff from 18 in 2007 to 26 in 2007.

Y.Bhg. Dato' Dr. Ismail Saad, Pengerusi Anggun Mulia Sdn. Bhd. (dua dari kanan) dan Tuan Haji Wan Mahmood bin Wan Yacob, Pengurus Besar Hospital PUSRAWI (kiri) menyerahkan Memorandum Persefahaman (MOU) antara Kolej Kejururawatan PUSRAWI dan Hospital PUSRAWI sambil disaksikan oleh Encik Ibrahim bin Ismail, Pengurus Bahagian Pembangunan dan Pelaburan MAIWP (dua dari kiri) dalam majlis yang diadakan pada 22 Mei 2008
Y. Bhg. Dato' Dr. Ismail Saad, Chairman of Anggun Mulia Sdn. Bhd. (second from right) and Tuan Haji Wan Mahmood bin Wan Yacob, General Manager of PUSRAWI Hospital (left) presenting the Memorandum of Understanding between PUSRAWI Nursing College and PUSRAWI Hospital while witnessed by Encik Ibrahim bin Ismail, MAIWP's Development and Investment Division Manager (second from left) in a ceremony which held on 22nd May 2008

Pihak pengurusan syarikat sentiasa berusaha bagi meningkatkan lagi kemampuan dan keupayaan kolej dalam menjadi sebuah kolej kejururawatan yang kompetitif. Syarikat pada tahun 2008 telah menerima suntikan modal tambahan daripada MAIWP sebanyak RM2 juta menjadikan jumlah keseluruhan modal berbayar sebanyak RM2.2 juta. Modal dibenarkan syarikat juga telah dinaikkan kepada RM5 juta. Suntikan modal ini dilihat akan dapat membantu pihak syarikat melaksanakan program-program yang mampu menjana lebih banyak keuntungan.

Pihak syarikat mensasarkan untuk menambahkan bilangan pelajar kepada seramai 1,000 orang. Oleh yang demikian, beberapa langkah telah diambil bagi mencapai matlamat tersebut. Antaranya dengan:

- a) melantik Syarikat Mediconsult Planning and Consulting Services bagi menasihati Lembaga Pengarah Syarikat dalam mendapatkan akreditasi daripada Malaysian Qualification Agency (MQA);
- b) menambah ruangan pejabat dan kelas pembelajaran dengan menyewa bangunan Wisma Baitulmal, Jalan Ipoh di samping bangunan sedia ada;
- c) menambahbaik infrastruktur dan kemudahan kolej di mana sepanjang tahun 2008, beberapa peralatan mengajar serta lain-lain fasiliti telah dibeli;
- d) menambah kakitangan profesional di mana beberapa jawatan tambahan seperti pembantu khas kepada Pengerusi Eksekutif, akauntan, eksekutif sumber manusia dan kerani hal ehwal pelajar, pengajar klinikal, ustazah, pengajar Bahasa Inggeris dan pengajar matapelajaran bukan kejururawatan telah diisi sepanjang tahun 2008; dan
- e) mengadakan kursus bagi kakitangan pengurusan dan akademik untuk meningkatkan kualiti kerja serta kemahiran kakitangan.

The company's management has always strived to improve the capability of the nursing college towards becoming a competitive nursing college. In 2008, the company received an additional capital injection of RM2 million from MAIWP resulting in a paid up capital of RM2.2 million. The company's authorised capital had also been increased to RM5 million. This capital injection is hoped to help the company to implement programmes or activities which would generate more profits.

The company's goal is to increase the number of students to 1,000. Thus, in achieving that goal, the following steps have been taken:

- a) appointed Mediconsult Planning and Consulting Services to advise the company's Board of Directors in obtaining an accreditation from the Malaysian Qualification Agency (MQA);*
- b) adding more office spaces and classrooms by renting the Wisma Baitulmal building, Jalan Ipoh in addition to the present one;*
- c) upgrading the infrastructure and facilities of the college whereby throughout 2008, some teaching tools and other equipments were bought to fulfill the requirements to be fully accredited by MQA;*
- d) increasing the professional personnel whereby the additional posts like special assistant to Executive Chairman, accountant, human resource executive and clerk for student affairs, clinical instructor, ustazah, English Language instructor and the instructors for subjects other than nursing have been filled throughout 2008, and*
- e) organising courses for the management and academic staff to increase the quality of work and skills of the staff.*

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Berhad telah ditubuhkan pada 20 November 1990 sebagai syarikat berhad milik penuh MAIWP yang berfungsi membantu MAIWP dalam melaksanakan pemberian bantuan dan mengadakan aktiviti-aktiviti bagi membantu mereka yang kurang bernasib baik di seluruh Malaysia. Pada tahun 2008, sebanyak RM3.22 juta telah dibelanjakan bagi aktiviti dan program sumbangan.

Sumbangan - sumbangan yang diberikan merangkumi penajaan program keagamaan dan sumbangan kewangan kepada individu, Badan Bukan Kerajaan (NGO), badan-badan dakwah, hospital, rumah-rumah kebajikan, masjid dan sebagainya. Bagi sumbangan tersebut, sebanyak RM2.13 juta telah disampaikan.

Selain itu juga, Yayasan Taqwa turut menghulurkan sumbangan bagi membiayai aktiviti penerbitan dokumentari khas dan percetakan buku-buku ilmiah. Antara buku-buku tersebut adalah "Arif dan Kanak-Kanak Hadhari" yang diedarkan secara percuma kepada murid-murid sekolah rendah dan buku "Panduan Solat Bagi Pesakit di Hospital". Sebanyak RM0.71 juta telah dibelanjakan bagi sumbangan tersebut.

Mangsa-mangsa bencana alam turut dibantu oleh Yayasan Taqwa. Penduduk-penduduk di Kedah yang dilanda banjir pada September 2008 telah menerima sumbangan berjumlah keseluruhan RM200,000. Manakala, pada bulan Disember 2008, Yayasan Taqwa telah menyumbangkan sejumlah RM100,000 berbentuk bahan makanan untuk diagihkan kepada mangsa-mangsa tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang, Selangor.

Sebanyak RM78,100 juga telah disumbangkan bagi membiayai pembekalan pakaian sekolah kepada pelajar-pelajar sekolah rendah. Pakaian sekolah tersebut telah disampaikan dalam Majlis Pelancaran Program "Jom Ke Sekolah 2009" yang diadakan pada 19 November 2008 di Putrajaya di mana seramai 260 orang pelajar sekolah rendah daripada keluarga yang kurang berkemampuan telah menerima sumbangan tersebut. Melalui program "Jom Ke Sekolah", Yayasan Taqwa mulai

Federal Territory Taqwa Foundation

The Federal Territory Taqwa Foundation Berhad was established on 20th November 1990 as a wholly owned subsidiary of MAIWP that served to assist MAIWP in implementing assistance distribution and to organise activities for the unfortunates in Malaysia. For the year 2008, a total of RM3.22 million was spent on distribution programmes and activities.

Contributions were given in the form of sponsorships for religious programmes and financial contributions to individuals, Non-Government Organisations (NGO), organisations propagating the teachings of Islam, welfare houses, mosque and so forth. For these contributions, a total of RM2.13 million were presented.

In addition to this, the Taqwa Foundation also contributed towards the publication financing of a special documentary and the printing of academic books. Some of these books were "Arif dan Kanak-Kanak Hadhari" that were distributed for free to primary schools students and "Panduan Solat Bagi Pesakit di Hospital". A total of RM0.71 million were spent for this purposes.

The Taqwa Foundation also provides assistance to victims of natural disasters. Victims of the September 2008 flood in Kedah received a total contribution of RM200,000. Meanwhile, in December 2008, the Taqwa Foundation contributed a total of RM100,000 in the form of foodstuffs for distribution to landslide victims in Bukit Antarabangsa, Hulu Klang, Selangor.

A total allocation of RM78,100 was contributed to supply school uniforms to primary school pupils. These school uniforms were presented in the "Jom Ke Sekolah 2009" Programme Launching Ceremony held on 19th November 2008 at Putrajaya where 260 primary school pupils from less fortunate families received their contributions. Starting from the year 2009, Taqwa Foundation through the "Jom Ke Sekolah" programme, will organise several series of similar programmes

tahun 2009 akan mengadakan beberapa siri program di seluruh Malaysia bagi menyampaikan sumbangan pakaian sekolah kepada pelajar-pelajar sekolah rendah yang kurang berkemampuan di setiap negeri.

throughout Malaysia to present school uniforms to primary school pupils who come from less fortunate families in every states.



Pengurus Besar Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan, Encik Ahmad Ayob bin Ibrahim (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan berbentuk peralatan persekolahan kepada pelajar-pelajar sekolah

The General Manager of Federal Territory Taqwa Foundation, Encik Ahmad Ayob bin Ibrahim (second from right) presenting contributions in the form of school equipments to students

Pada 12 Jun 2008, Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Berhad telah membatalkan perkataan Berhad pada akhir nama dan kini dikenali sebagai Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan.

On 12th June 2008, Federal Territory Taqwa Foundation Berhad nullified the word 'Berhad' at the end of it's name and now it's known as Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan.

Mulai tahun 2008, Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan telah menambahbaik struktur organisasinya di mana seramai 8 orang kakitangan baru telah dilantik. Sehingga akhir tahun 2008, Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan mempunyai seramai 11 orang kakitangan.


Starting from 2008, Federal Territory Taqwa Foundation has upgraded its organisational structure where 8 new staff were employed. Up to the end of 2008, Taqwa Foundation has 11 staffs on its payroll.

Jadual/ Table 9:

Pecahan Kakitangan Yayasan Taqwa Tahun 2008
Taqwa Foundation Staff Breakdown For The Year 2008

BIL. No.	JAWATAN Position	BILANGAN Numbers
1.	Pengurus Besar / <i>General Manager</i>	1
2.	Pengurus / <i>Manager</i>	4
3.	Penolong Pengurus / <i>Assistant Manager</i>	3
4.	Pembantu Penolong Pengurus / <i>Assistant to Assistant Manager</i>	2
5.	Pembantu Tadbir Am / <i>General Administration Assistant</i>	1
	JUMLAH / TOTAL	11

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli MAIWP, ahli-ahli jawatankuasa MAIWP, pengurusan dan semua kakitangan MAIWP yang telah menunjukkan komitmen dan mencurahkan bakti demi menunaikan kewajipan terhadap ummah. Semoga segala usaha ikhlas kita akan dibalas oleh Allah SWT dengan ganjaran yang berlipat kali ganda.



DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri
Merangkap Pengerusi MAIWP
*Minister in the Prime Minister's Department
cum Chairman of MAIWP*

I would like to take this opportunity to express my deepest appreciation to the members of MAIWP, the committee members of MAIWP, management and all the staff of MAIWP who have shown their commitment and willingness to sacrifice their personal interests for the sake of the ummahs. May Allah SWT bless all of us with His love, mercy and rewards.

LAPORAN KEWANGAN

Financial Report



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

Auditor General Certificate



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008


Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2008, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan disatukan.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA



PUTRAJAYA
24 JULAI 2009

PENYATA KEWANGAN

Financial Statement

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN


PENYATA Pengerusi dan Seorang

Ahli Majlis Agama

Islam Wilayah Persekutuan

Kami **YANG BERTHORMAT DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI** dan **DATO' MOHAMAD BIN S. AHMAD** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli-Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Kumpulan Wang dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan** dan Kumpulan pada **31 Disember 2008** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Ahli Majlis,



Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi

Gelaran : **Pengerusi**


Tarikh : 30 APR 2009

Lot 150, Bangunan PERKIM

Jalan Ipoh

51200 Kuala Lumpur

Bagi Pihak Ahli Majlis,



Dato' Mohamad Bin S. Ahmad

Gelaran : **Ahli Majlis**

Tarikh : 30 APR 2009

Lot 150, Bangunan PERKIM

Jalan Ipoh

51200 Kuala Lumpur

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA


YANG BERTANGGUNGJAWAB

KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

Saya **DATO' HAJI CHE MAT BIN CHE ALI**, pengawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Kumpulan Wang dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Kuala Lumpur
pada 9 APR 2009

) 
)
) (DATO' HAJI CHE MAT BIN CHE ALI)
) Setiausaha,
Majlis Agama Islam Wilayah
Persekutuan

Di hadapan saya,



ZULKIFLY B. ABDULLAH KMN, BCK.
PESURUHJAYA SUMPAH
(COMMISSIONER FOR OATHS)
LOT 3.59, TINGKAT 3, THE MALL,
100, JALAN PUTRA,
50350 KUALA LUMPUR.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

LEMBARAN IMBANGAN KUMPULAN PADA 31 DISEMBER 2008

	Nota	2008 RM	2007 RM
ASET			
Hartanah, loji dan peralatan	4	411,380,452	392,703,914
Kerja dalam kemajuan	5	3,959,455	3,280,554
Pelaburan dalam saham	7	5,994,712	8,751,581
Lain-lain Pelaburan	8	38,100,000	-
		<u>459,434,619</u>	<u>404,736,049</u>
ASET SEMASA			
Inventori	9	3,291,641	3,396,937
Jumlah terhutang oleh JAWI	10	-	9,447,871
Penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang	12	58,237,439	34,941,577
Cukai akan diterima semula		1,277,516	1,370,165
Deposit dengan bank berlesen	13	258,529,590	161,438,795
Baki tunai di tangan dan di bank		160,342,063	272,098,394
		<u>481,678,249</u>	<u>482,693,739</u>
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang perniagaan dan lain-lain pemiutang	15	40,917,336	38,009,200
Wang khas dan istibdal	16	5,203,584	7,171,808
Pinjaman-pinjaman	17	8,798,588	7,904,913
Peruntukan cukai		702,085	510,298
		<u>55,621,593</u>	<u>53,596,219</u>
ASET SEMASA BERSIH			
		<u>426,056,656</u>	<u>429,097,520</u>
		<u>885,491,275</u>	<u>833,833,569</u>

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
LEMBARAN IMBANGAN KUMPULAN (SAMBUNGAN)
PADA 31 DISEMBER 2008

	Nota	2008 RM	2007 RM
DIBIAYAI:			
Kumpulan wang terkumpul		<u>816,440,472</u>	<u>757,274,099</u>
KEPENTINGAN MINORITI		3,259,131	2,993,687
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Pinjaman-pinjaman	17	<u>65,129,657</u>	<u>71,883,120</u>
Cukai tertunda	18	<u>662,015</u>	<u>1,682,663</u>
		<u>65,791,672</u>	<u>73,565,783</u>
		<u>885,491,275</u>	<u>833,833,569</u>

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

**PENYATA PENDAPATAN KUMPULAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

	Nota	2008 RM	2007 RM
HASIL	19	302,460,248	253,300,911
PERBELANJAAN	20	(137,752,811)	(126,356,317)
LEBIHAN KASAR		<u>164,707,437</u>	<u>126,944,594</u>
LAIN-LAIN PENDAPATAN	21	10,934,073	12,566,467
LAIN-LAIN PERBELANJAAN	22	(104,171,577)	(81,292,262)
KOS KEWANGAN	23	(9,636,608)	(7,880,593)
LEBIHAN DARIPADA OPERASI		<u>61,833,325</u>	<u>50,338,206</u>
CUKAI	24	(1,247,599)	(2,080,804)
KEPENTINGAN MINORITI		(348,694)	(223,896)
LEBIHAN BAGI TAHUN SEMASA		<u><u>60,237,072</u></u>	<u><u>48,033,506</u></u>

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

**PENYATA PERUBAHAN KUMPULAN WANG KUMPULAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

	Nota	Pendapatan Tersimpan RM	Rizab Tabung Pinjaman RM	Rizab Penilaian RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2007		545,499,383	3,000,000	135,427,881	683,927,264
Lebihan pendapatan		48,033,506	-	-	48,033,506
Penilaian semasa aset		-	-	25,313,329	25,313,329
Baki pada 31 Disember 2007		593,532,889	3,000,000	160,741,210	757,274,099
Pelarasan tahun terdahulu	25	(1,070,699)			(1,070,699)
Baki pada 1 Januari 2008 selepas pelarasan		592,462,190	3,000,000	160,741,210	756,203,400
Lebihan pendapatan		60,237,072	-	-	60,237,072
Baki pada 31 Disember 2008		652,699,262	3,000,000	160,741,210	816,440,472

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA ALIRAN TUNAI KUMPULAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	Nota	2008 RM	2007 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Lebihan sebelum cukai dan zakat		61,833,325	50,338,206
Pelarasan untuk:			
Belanja susutnilai		18,003,282	16,596,359
Elaun hutang ragu		2,196,501	1,988,334
Pendapatan dari simpanan dan pelaburan		(6,816,768)	(5,218,501)
Keuntungan pinjaman Al- Ijarah		6,302,710	6,702,710
Pelbagai hapuskira		9,447,871	-
Keuntungan pinjaman Al- Bai Bithamin Ajil		982,494	1,149,054
Kerja dalam kemajuan di hapuskira		61,580	-
Keuntungan jualan hartanah, loji dan peralatan		(63,420)	(845,055)
Keuntungan jualan saham		(21,408)	(1,565,520)
Pelarasan baki awal hartanah, loji dan peralatan		60,308	
Hutang ragu diperolehi semula		(56,677)	-
Rosotnilai saham		1,217,571	-
Pelarasan bagi tahun		(1,071,527)	34,804
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA		92,075,842	69,180,391
<i>Perubahan modal kerja:</i>			
Pengurangan/ (pertambahan) inventori		105,296	(174,770)
Pertambahan penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang		(33,815,765)	(8,094,514)
Pertambahan wang khas dan istibdal		(1,968,224)	(397,740)
Pertambahan jumlah hutang oleh JAWI		-	(419,647)
Pertambahan pemiutang perniagaan dan lain-lain pemiutang		2,908,136	9,530,108
Tunai dari aktiviti operasi		59,305,285	69,623,828
TUNAI (DIGUNA DALAM)/ DIJANA DARIPADA OPERASI			
Pendapatan dari simpanan dan pelaburan		6,816,768	5,218,501
Keuntungan pinjaman Al- Ijarah		(6,302,710)	(6,702,710)
Keuntungan pinjaman Al- Bai Bithamin Ajil		(982,494)	(1,149,054)
Dividen kepada kepentingan minoriti		(83,250)	(54,750)
Cukai dibayar		(1,983,771)	(2,446,857)
ALIRAN MASUK TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI OPERASI		56,769,828	64,488,958

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA ALIRAN TUNAI KUMPULAN (SAMBUNGAN) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	Nota	2008 RM	2007 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian hartanah, loji dan peralatan		(24,091,353)	(8,557,414)
Penjualan hartanah, loji dan peralatan		149,486	2,572,996
Pembelian sijil pelaburan		(779)	(226,749)
Pembelian dana berbentuk syariah		(38,100,000)	-
Penjualan sijil pelaburan		1,561,485	5,306,281
Peningkatan dalam kerja dalam kemajuan		(5,094,415)	(3,260,415)
ALIRAN KELUAR TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		<u>(65,575,576)</u>	<u>(4,165,301)</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Pembayaran kepada pinjaman		(8,182,201)	(7,858,158)
Penambahan pinjaman-sewa beli		189,892	461,447
Penambahan pinjaman-pajakan		2,132,521	-
ALIRAN KELUAR TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		<u>(5,859,788)</u>	<u>(7,396,711)</u>
(KURANGAN)/ TAMBAHAN DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI BERSIH		(14,665,536)	52,926,946
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		433,537,189	380,610,243
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN		<u>418,871,653</u>	<u>433,537,189</u>
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:			
Deposit dengan bank berlesen	13	258,529,590	161,438,795
Baki tunai di tangan dan di bank		160,342,063	272,098,394
		<u>418,871,653</u>	<u>433,537,189</u>

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

**LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2008**

	Nota	2008 RM	2007 RM
ASET			
Hartanah, loji dan peralatan	4	372,950,602	365,315,924
Kerja dalam kemajuan	5	3,839,455	3,280,554
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	6	16,660,000	14,660,000
Pelaburan dalam saham	7	5,248,384	5,603,060
Lain-lain pelaburan	8	38,100,000	-
		<u>436,798,441</u>	<u>388,859,538</u>
ASET SEMASA			
Jumlah terhutang oleh JAWI	10	-	9,447,871
Jumlah terhutang oleh syarikat- syarikat subsidiari	11	3,564,657	3,191,160
Penghutang perniagaan dan lain- lain penghutang	12	32,293,029	4,356,417
Deposit dengan bank berlesen	13	244,804,015	151,419,097
Baki tunai di tangan dan di bank		147,954,758	264,899,905
		<u>428,616,459</u>	<u>433,317,450</u>
LIABILITI SEMASA			
Jumlah terhutang kepada syarikat- syarikat subsidiari	14	5,373,363	5,658,256
Pemiutang perniagaan dan lain-lain pemiutang	15	15,841,862	18,520,865
Wang khas dan istibdal	16	5,203,584	7,171,808
Pinjaman-pinjaman	17	4,000,000	4,000,000
		<u>30,418,809</u>	<u>35,350,929</u>
ASET SEMASA BERSIH		<u>398,197,650</u>	<u>397,966,521</u>
		<u>834,996,091</u>	<u>786,826,059</u>
DIBIAYAI:			
Kumpulan wang terkumpul		<u>778,468,996</u>	<u>726,298,964</u>
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Pinjaman-pinjaman	17	<u>56,527,095</u>	<u>60,527,095</u>
		<u>834,996,091</u>	<u>786,826,059</u>

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

**PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

	Nota	2008 RM	2007 RM
HASIL	19	225,075,690	186,892,492
PERBELANJAAN	20	(122,563,898)	(107,861,270)
LEBIHAN KASAR		<u>102,511,792</u>	<u>79,031,222</u>
LAIN-LAIN PENDAPATAN	21	8,999,593	10,982,406
LAIN-LAIN PERBELANJAAN	22	(49,639,978)	(38,492,201)
KOS KEWANGAN	23	(8,631,724)	(6,705,513)
LEBIHAN DARIPADA OPERASI		<u>53,239,683</u>	<u>44,815,914</u>
CUKAI	24	-	-
LEBIHAN BAGI TAHUN SEMASA		<u><u>53,239,683</u></u>	<u><u>44,815,914</u></u>

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

**PENYATA PERUBAHAN KUMPULAN WANG MAJLIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

	Nota	Pendapatan Tersimpan RM	Rizab Tabung Pinjaman RM	Rizab Penilaian RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2007		517,741,841	3,000,000	135,427,881	656,169,722
Lebihan pendapatan		44,815,914	-	-	44,815,914
Penilaian semasa aset		-	-	25,313,328	25,313,328
Baki pada 31 Disember 2007		562,557,755	3,000,000	160,741,209	726,298,964
Pelarasan tahun terdahulu	25	(1,069,651)	-	-	(1,069,651)
Baki pada 1 Januari 2008 selepas pelarasan		561,488,104	3,000,000	160,741,209	725,229,313
Lebihan pendapatan		53,239,683	-	-	53,239,683
Baki pada 31 Disember 2008		614,727,787	3,000,000	160,741,209	778,468,996

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	Nota	2008 RM	2007 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Lebihan sebelum cukai dan zakat		53,239,683	44,815,914
Pelarasan untuk:			
Belanja susutnilai		13,151,141	12,459,084
Elaun hutang ragu		-	363,034
Pelbagai hapuskira		9,447,871	-
Kerja dalam kemajuan di hapuskira		61,580	-
Pendapatan dari simpanan dan pelaburan		(6,372,764)	(4,934,468)
Keuntungan pinjaman Al- Ijarah		6,302,710	6,702,710
Keuntungan jualan aset		(124,014)	(845,055)
Keuntungan jualan saham		-	(1,280,395)
Peruntukan rosot nilai saham		354,676	-
Pelarasan baki awal hartanah, loji dan peralatan		60,307	-
Hutang ragu diperolehi semula		(41,847)	-
Pelarasan bagi tahun		(1,070,479)	34,804
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA		75,008,864	57,315,628
<i>Perubahan modal kerja:</i>			
Pertambahan penghutang perniagaan dan lain-lain penghutang		(27,891,765)	(1,026,885)
Pertambahan/ (pengurangan) pemiutang perniagaan dan lain-lain pemiutang		(2,679,003)	8,017,657
Pengurangan wang khas dan istibdal		(1,968,224)	(397,741)
(Pertambahan)/ pengurangan terhutang oleh syarikat subsidiari		(373,497)	499,741
(Pengurangan)/ pertambahan terhutang kepada syarikat subsidiari		(284,893)	471,770
Pertambahan jumlah terhutang oleh JAWI		-	(419,646)
Tunai dari aktiviti operasi		41,811,482	64,460,524
TUNAI DIJANA DARIPADA OPERASI			
Pendapatan dari simpanan dan pelaburan		6,372,764	4,934,468
Faedah pinjaman Al-Ijarah		(6,302,710)	(6,702,710)
ALIRAN MASUK TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI OPERASI		41,881,536	62,692,282

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

**PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

	Nota	2008 RM	2007 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian hartanah, loji dan peralatan		(16,491,365)	(6,345,502)
Penjualan hartanah, loji dan peralatan		124,015	2,512,619
Pembelian sijil pelaburan		-	(226,749)
Pembelian dana berbentuk syariah		(38,100,000)	-
Penjualan sijil pelaburan		-	4,505,494
Penambahan dana dalam syarikat subsidiari		(2,000,000)	-
Peningkatan kerja dalam kemajuan		(4,974,415)	(3,260,415)
ALIRAN KELUAR TUNAI BERSIH		(61,441,765)	(2,814,553)
DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
 ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Pembayaran kepada pinjaman Al - Ijarah		(4,000,000)	(4,000,000)
 ALIRAN KELUAR TUNAI BERSIH		(4,000,000)	(4,000,000)
DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
 (KURANGAN)/ TAMBAHAN DALAM TUNAI		(23,560,229)	55,877,729
DAN KESETARAAN TUNAI BERSIH			
 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		416,319,002	360,441,273
PADA AWAL TAHUN			
 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		392,758,773	416,319,002
PADA AKHIR TAHUN			
 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI			
DARIPADA:			
Deposit dengan bank berlesen	13	244,804,015	151,419,097
Baki tunai di tangan dan di bank		147,954,758	264,899,905
		<u>392,758,773</u>	<u>416,319,002</u>

Nota-nota yang dibentangkan menjadi sebahagian asasi Penyata Kewangan ini.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

1. KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Majlis adalah untuk memajukan, merangsang, memudahkan dan melaksanakan pembangunan ekonomi dan sosial serta kebajikan komuniti orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan mengikut Perundangan Islam.

Kegiatan utama syarikat-syarikat subsidiari didalam kumpulan adalah seperti yang dinyatakan di dalam Nota 6 kepada penyata kewangan ini.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

a. Asas Perakaunan

Penyata kewangan Majlis telah disediakan berpandukan konvensyen kos sejarah dan piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB kecuali perkara yang dinyatakan di dalam Nota 2 (n) (iii) kepada Penyata Kewangan bagi memenuhi prinsip-prinsip syariah.

Penyata Kewangan syarikat-syarikat subsidiari pula disediakan menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan oleh MASB.

b. Asas Penyatuan

i. Syarikat subsidiari

Lembaran Imbangan dan Penyata pendapatan yang disatukan adalah terdiri daripada akaun Majlis Agama Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan dengan akaun Syarikat-syarikat Subsidiarinya iaitu Hospital Pusrawi Sdn. Bhd., Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan., Institut Profesional Baitulmal Sdn. Bhd., Harta Suci Sdn. Bhd., Anggun Mulia Sdn. Bhd. dan Pengangkutan Harta Suci Sdn. Bhd.

Penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata kewangan Majlis dan kesemua syarikat-syarikat subsidiarinya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Syarikat-syarikat subsidiari adalah syarikat dimana Kumpulan mempunyai kawalan dan pengaruh dalam aspek kewangan dan polisi operasinya yang boleh dimanfaatkan secara terus daripada semua aktiviti. Penyatuan syarikat-syarikat subsidiari dibuat pada tarikh di mana kawalan telah berpindah kepada Kumpulan sehingga tarikh kawalan ke atas syarikat-syarikat subsidiari ini dilupuskan.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

b. Asas Penyatuan (sambungan)

i. Syarikat subsidiari(sambungan)

Transaksi di antara kumpulan, baki dan keuntungan daripada transaksi-transaksi antara kumpulan yang tidak direalisasikan dihapuskan; kerugian yang tidak direalisasikan juga dihapuskan melainkan kosnya tidak dapat diperolehi kembali. Apabila perlu, pelarasan dibuat keatas penyata kewangan syarikat-syarikat subsidiari untuk memastikan syarikat-syarikat subsidiari menerima pakai dasar perakaunan secara konsisten seperti yang diterimapakai oleh kumpulan.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan syarikat subsidiari adalah perbezaan diantara perolehan bersih pelupusan dan bahagian aset bersih bagi kumpulan serta sebarang jumlah muhibah yang belum dilunaskan oleh perbezaan tukaran yang tidak diiktiraf sebelum ini di dalam penyatuan penyata pendapatan.

Kepentingan saham minoriti diukur melalui bahagian minoriti ke atas nilai wajar aset ketara bersih selepas pengambilalihan dan tanggungan syarikat subsidiari yang diambilalih. Kesan perubahan ke atas kepentingan minoriti dibentangkan secara berasingan.

c. Hartanah, loji dan peralatan serta susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian pengurangan nilai. Susutnilai hartanah, loji dan peralatan tetap dikira bagi tujuan pelupusan kos hartanah, loji dan peralatan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan usia penggunaan hartanah, loji dan peralatan.

Kesemua hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan dalam kos. Tanah pegangan bebas, tanah pajakan jangka panjang dan bangunan dinyatakan pada nilai penilaian semula berdasarkan penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta pada harga pasaran ditolak pelunasan, susutnilai dan kerugian rosotnilai. Kesemua hartanah, loji dan peralatan lain-lain dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

Susutnilai diambilkira genap satu bulan bagi harga yang dibeli atau dinilai semula pada atau sebelum 15 haribulan bagi sesuatu bulan. Jika pembelian atau penilaian semula berlaku selepas 15 haribulan, susutnilai akan diambilkira mulai bulan berikutnya.

Tanah milik bebas tidak disusutnilaikan. Tempoh susutnilai tanah pajakan adalah berdasarkan pada tempoh pindah milik tanah/tempoh diperolehi. Sekiranya tempoh hak milik melebihi 6 bulan atau 6 bulan pertama di dalam tahun berkenaan ianya akan diambilkira sebagai genap setahun. Sekiranya tempoh hak milik kurang daripada 6 bulan atau bagi 6 bulan kedua dalam tahun berkenaan tempoh susutnilai akan dikira mulai tahun berikutnya.

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

c. Hartanah, loji dan peralatan serta susutnilai (sambungan)

Kompleks ini terletak di Taman Koperasi Polis, Fasa 2, Batu Caves. Ianya menempatkan anak-anak yatim yang tinggal di Wilayah Persekutuan dan juga di luar Wilayah Persekutuan. Kompleks ini telah siap dibina pada awal tahun 1999 dan mampu menempatkan sehingga 200 orang penghuni. Di sini juga terdapat sebuah dewan yang mampu menampung sehingga 500 orang. Kompleks ini pada asalnya digunakan sebagai Kompleks Dar Assaadah yang mana telah berpindah pada tahun 2007 ke Kampung Batu 5, Jalan Ipoh bagi membolehkan MAIWP menempatkan penghuni Darul Kifayah yang semakin bertambah.

Bangunan Institut Kemahiran Baitulmal (IKB)

Bangunan ini dibina di Jalan Perkasa, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Kos pembinaannya adalah sebanyak RM3 juta. Ianya telah siap dibina pada tahun 1990 dan digunakan untuk menempatkan pelajar-pelajar kursus kemahiran.

Fisabilillah

Any individual or party who are involved in any activity to affirm, defend or preach on Islam and its idealism.

Ibnu Sabil

Any individual who are travelling for purposes which are approved by Islamic laws from any countries which need assistance.

MAIWP DEVELOPMENT PROJECTS

Daruzzakah Building

This building was built at Lorong Haji Hussein 2 Off Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur. The construction cost of this building was RM6 million and it was completed in 1992. Part of this building is made into MAIWP head office and another part is rented to PPZ MAIWP.

Darul Kifayah Complex

This complex is situated in Taman Koperasi Polis, Fasa 2, Batu Caves. It accommodates orphans who live in Federal Territory and outside Federal Territory. The construction of the building was completed early 1999 and is capable of accommodating up to 200 occupants. Within the complex, there is also a hall that can accommodate up to 500 people. This complex was originally used as Dar Assaadah complex which has moved in 2007 to Kampung Batu 5, Jalan Ipoh to enable MAIWP accommodate the increasing occupants of Darul Kifayah.

Baitulmal Skills Institute (IKB) Building

This building was built at Jalan Perkasa, Kampung Pandan, Kuala Lumpur. The construction cost was RM3 million. It was completed in 1990 and is used for the students in the skill development course.

Kampus Institut Profesional Baitulmal (IPB)

Bangunan ini dibina bersebelahan dengan IKB di kawasan seluas 2½ ekar. Pembinaan kampus ini melibatkan dua fasa. Fasa pertama siap dibina pada 1996 dan menelan kos sebanyak RM15.8



Baitulmal Professional Institute (IPB) Campus

This building was built next to IKB in a 2 ½ acres area. The construction of this campus involved two phases. The first phase was completed in 1996 with a cost of RM15.8 million whereas the second

Bangunan Institut Profesional Baitulmal
Baitulmal Professional Institute Building

juta. Manakala fasa kedua telah siap dibina pada tahun 1997 dengan kos sebanyak RM13 juta. Di dalam fasa ini, terdapat 3 blok bangunan yang dibina iaitu 1 blok asrama perempuan 11 tingkat, 1 blok asrama lelaki dan 1 blok surau setingkat. Bangunan ini telah disewakan kepada IPB dengan kadar RM0.11 juta setahun.

phase was completed in 1997 with a cost of RM13 million. In this phase, there are three blocks of building that were constructed, one 11-storey female hostel block, one male hostel block and 1 single-storey surau block. This building is rented to IPB at a rate of RM0.11 million a year.

Taman Perumahan Pelangi Jaya

Taman perumahan yang mengandungi 187 unit rumah teres 2 tingkat dan 13 unit rumah kedai ini dibina bersebelahan dengan Lebuh Raya Karak / Kuala Lumpur dan telah siap dibina pada tahun 1996. Projek pembinaan ini merupakan projek usahasama yang mana MAIWP memperolehi 32 unit rumah teres dan 12 unit rumah kedai.

Pelangi Jaya Residential Area

This residential area which has 187 units of double-storey terrace houses and 13 units of shop houses was built next to the Karak/Kuala Lumpur highway and was completed in 1996. This construction project is a joint venture project whereby MAIWP obtained 32 units of terrace houses and 12 units of shop houses.

Kompleks Dar Assaadah

Kompleks ini dibina di Kampung Batu 5, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur dengan kos sebanyak RM15 juta. Kompleks ini mampu menempatkan seramai 150

Dar Assaadah Complex

This complex was built in Kampung Batu 5, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur with a cost of RM15 million. This complex is big enough to accommodate 150

orang penghuni dan menempatkan golongan remaja dan keluarga tersasar arah yang memerlukan bimbingan serta tunjuk ajar. Sebelum tahun 2007, Kompleks ini digunakan sebagai Kompleks Darul Kifayah yang menyediakan perlindungan kepada anak-anak yatim, anak-anak daripada keluarga yang kurang berkemampuan dan anak-anak muallaf.

Kompleks Hospital PUSRAWI dan Hotel Putra KL

Projek ini telah siap dibina pada penghujung tahun 2005. Bangunan Hotel Putra KL dan Hospital PUSRAWI ini dibina di atas Lot 149, Seksyen 87, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur berhadapan dengan Institut Jantung Negara (IJN). Hotel yang dibina akan dapat dijadikan tempat penginapan bukan sahaja kepada waris pesakit Hospital PUSRAWI malah kepada waris pesakit yang mendapatkan rawatan di IJN.

occupants and it is accommodating teenagers and families who have lost their directions in life and in need of guidance. Prior to 2007, this complex was used as Darul Kifayah Complex which provides protection to orphans, and children from poor families and children of individuals who have newly embraced Islam.

PUSRAWI Hospital Complex and KL Putra Hotel

This project was completed by the end of 2005. The KL Putra Hotel building and PUSRAWI Hospital were built at Lot 149, Seksyen 87, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur opposite to National Heart Institute (IJN). The hotel can be turned into accommodation for not only PUSRAWI Hospital patients' next of kin but also for the next of kin of patients who are being treated at IJN.



Kompleks Hospital PUSRAWI yang mengandungi dua blok bangunan iaitu Hospital PUSRAWI dan Hotel Putra KL
PUSRAWI Hospital Complex which comprised of PUSRAWI Hospital and KL Putra Hotel

SYARIKAT-SYARIKAT MAIWP / *MAIWP COMPANIES*

HARTASUCI SDN. BHD.

[DIKENALI SEBAGAI PUSAT PUNGUTAN ZAKAT (PPZ) MAIWP]

[*KNOWN AS MAIWP ZAKAT COLLECTION CENTER (PPZ) MAIWP*]

Taraf/ <i>Status</i>	: Syarikat Sdn. Bhd./ <i>Private Limited Company</i>
Ditubuhkan/ <i>Established</i>	: 17 November 1989
Modal berbayar/ <i>Paid-up Capital</i>	: RM1 juta/ <i>RM 1 million</i>
Ekuiti MAIWP/ <i>MAIWP Equity</i>	: 100 %
Aktiviti/ <i>Activities</i>	: Menguruskan pungutan zakat harta di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan & Putrajaya/ <i>Managing property zakat collection in Federal Territory of Kuala Lumpur, Labuan and Putrajaya.</i>
Ibu Pejabat/ <i>Head Office</i>	: Wisma PPZ, 68-1-6, Dataran Shamelin, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur/ <i>Wisma PPZ, 68-1-6, Dataran Shamelin, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur</i>
No. Telefon/ <i>Telephone No.</i>	: 03-9289 5757
Laman Web/ <i>Website</i>	: www.zakat.com.my

HOSPITAL PUSRAWI SDN. BHD.

Taraf/ <i>Status</i>	: Syarikat Sdn. Bhd./ <i>Private Limited Company</i>
Ditubuhkan/ <i>Established</i>	: 10 Januari 1984
Modal berbayar/ <i>Paid up capital</i>	: RM9.96 juta/ <i>RM 9.96 million</i>
Ekuiti MAIWP/ <i>MAIWP Equity</i>	: 99.6 %
Aktiviti/ <i>Activities</i>	: Menawarkan kemudahan dan perkhidmatan hospital, perubatan serta pembedahan/ <i>To offer hospital services and facilities, medication and surgery</i>
Ibu Pejabat/ <i>Head Office</i>	: Lot 149, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
No. Telefon/ <i>Telephone No.</i>	: 03- 2687 5000
Laman Web/ <i>Website</i>	: www.pusrawi.com.my

INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL SDN. BHD.

Taraf/ <i>Status</i>	: Syarikat Sdn. Bhd./ <i>Private Limited Company</i>
Ditubuhkan/ <i>Established</i>	: 23 April 1992
Modal berbayar/ <i>Paid up Capital</i>	: RM3.5 juta/ <i>RM 3.5 million</i>
Ekuiti MAIWP/ <i>MAIWP Equity</i>	: 70%
Aktiviti/ <i>Activities</i>	: Mengendalikan kursus-kursus profesional yang diluluskan Kementerian Pendidikan/ <i>To conduct professional courses that have been approved by Ministry of Education.</i>
Ibu Pejabat/ <i>Head Office</i>	: Lot 1363, Jalan Perkasa, Off Jalan Kampung Pandan, 55100 Kuala Lumpur
No. Telefon/ <i>Telephone No.</i>	: 03- 9281 4054
Laman Web/ <i>Website</i>	: www.ipb.edu.my

ANGGUN MULIA SDN. BHD.
(DIKENALI SEBAGAI KOLEJ KEJURURAWATAN PUSRAWI)
(KNOWN AS PUSRAWI NURSING COLLEGE)

Taraf/ <i>Status</i>	: Syarikat Sdn. Bhd./ <i>Private Limited Company</i>
Ditubuhkan/ <i>Established</i>	: 19 Mei 2003
Modal berbayar/ <i>Paid up Capital</i>	: RM 2.2 juta/ <i>RM 2.2 million</i>
Ekuiti MAIWP/ <i>MAIWP Equity</i>	: 100 %
Aktiviti/ <i>Activities</i>	: Menguruskan dan beroperasi sebagai sebuah IPTS yang menjurus kepada kejururawatan/ <i>To manage and to operate as a private higher learning institute specialising in nursing.</i>
Ibu Pejabat/ <i>Head Office</i>	: Tingkat 5, Bangunan Tabung Haji, 28 Jalan Rahmat, Off Jalan Ipoh, 50350 Kuala Lumpur/ <i>5th floor, Tabung Haji Building, 28 Jalan Rahmat, Off Jalan Ipoh, 50350 Kuala Lumpur</i>
No. Telefon/ <i>Telephone No.</i>	: 03-4045 3876
Laman Web/ <i>Website</i>	: http://kolejpusrawi.edu.my

YAYASAN TAQWA WILAYAH PERSEKUTUAN

Taraf/ <i>Status</i>	: Syarikat Berhad Dengan Jaminan/ <i>Company Limited by Guarantee</i>
Ditubuhkan/ <i>Established</i>	: 20 November 1990
Ekuiti MAIWP/ <i>MAIWP Equity</i>	: 100 %
Aktiviti/ <i>Activities</i>	: Melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan, sosial dan kemajuan umat Islam di Malaysia/ <i>To conduct welfare, social and development activities for Muslims in Malaysia</i>
Ibu Pejabat/ <i>Head Office</i>	: Tingkat Bawah Lot 1, Bangunan Tabung Haji, 148 Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur/ <i>Ground Floor Lot 1, Tabung Haji Building, 148 Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur</i>
No. Telefon/ <i>Telephone No.</i>	: 03-4041 4155
Laman Web/ <i>Website</i>	: www.yayasantaqwa-maiwp.com.my

AGENSI DI BAWAH MAIWP

DARUL KIFAYAH

Mesyuarat MAIWP yang bersidang pada 20 Ogos 1983 telah bersetuju menubuhkan Darul Kifayah yang berperanan menjaga kebajikan anak-anak yatim khususnya di Wilayah Persekutuan. Usaha-usaha pembelaan golongan ini telah dimulakan Jawatankuasa Kebajikan Masjid Al-Firdaus sebelum ianya diambil alih oleh JAWI pada tahun 1981.

Operasi Darul Kifayah bermula di Kampung Batu, Batu 5, Jalan Ipoh sebelum ianya dipindahkan buat sementara waktu ke Taman Bukit Anggerik, Cheras pada tahun 1992 bagi membolehkan pembinaan bangunan baru Darul Kifayah dilaksanakan. Upacara perletakan batu asas bangunan baru Darul Kifayah telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Mohammad Noor (sekarang Tan Sri) selaku Pengerusi MAIWP ketika itu.

AGENCY UNDER MAIWP

DARUL KIFAYAH

MAIWP, in a meeting held on 20th August 1983 has agreed to establish Darul Kifayah, which will be responsible to take care of the welfare of orphans specifically in Federal Territories. Efforts to help and support these children have been initiated by the Al-Firdaus Mosque Welfare Committee before it was taken over by JAWI in 1981.

The operation of Darul Kifayah started in Kampung Batu, Batu 5, Jalan Ipoh before it was moved temporarily to Taman Bukit Anggerik, Cheras in 1992 to enable the construction of the Darul Kifayah new building to be implemented. The ground breaking ceremony for the new building was graced by Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Mohammad Noor [Tan Sri at present] who was the MAIWP Chairman at the time.

Pada Oktober 1993, operasi Darul Kifayah telah dipindahkan semula daripada Taman Bukit Anggerik, Cheras ke Kampung Batu, Batu 5 Jalan Ipoh setelah bangunan baru siap sepenuhnya. Perasmian Kompleks Anak Yatim Darul Kifayah yang baru itu telah disempurnakan pada 5 Januari 1996 oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad (sekarang Tun) Perdana Menteri Malaysia ketika itu.

Pada 17 Disember 2007, Darul Kifayah telah berpindah ke premis baru iaitu di alamat Lot 28188 Jalan 36/10, Taman Koperasi Polis Fasa 2, Kuala Lumpur. Kompleks baru ini dijangka mampu menampung seramai lebih kurang 500 orang pelajar serta memberi kemudahan dan tempat tinggal yang lebih sempurna dan selesa.

In October 1993, the operation of Darul Kifayah was moved back from Taman Bukit Anggerik, Cheras to Kampung Batu, Batu 5 Jalan Ipoh when the new building was completed. The new Darul Kifayah Complex for Orphans was officiated on 5th January 1996 by Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad (now known as Tun), the Prime Minister of Malaysia at the time.

On 17th December 2007, Darul Kifayah moved to a new premise, that is, Lot 28188 Jalan 36/10, Taman Koperasi Polis Fasa 2, Kuala Lumpur. This new complex is expected to be able to accommodate approximately 500 students and provide better facilities and more comfortable accommodation.



Bangunan Kompleks Darul Kifayah
The building of Darul Kifayah Complex

DAR ASSAADAH

Mesyuarat MAIWP Kali Ke-23 bertarikh 2 Ogos 1985 yang telah dipengerusikan oleh Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Mohammad Noor telah bersetuju menubuhkan sebuah institusi yang dapat memberi perlindungan dan bimbingan kepada golongan remaja dan keluarga tersasar arah. Institusi berkenaan kemudian dinamakan Pusat Perlindungan Wanita Islam Dar Assaadah dan mula beroperasi pada November 1989 di sebuah blok bangunan rumah kedai di Taman Bukit Anggerik, Cheras Kuala Lumpur dengan kemasukan penghuni seramai 9 orang. Memandangkan jumlah kemasukan penghuni semakin bertambah pada tahun 1996, pusat ini telah berpindah ke sebuah lot rumah banglo milik Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan di No 149 Jalan Gurney 3, Datuk

DAR ASSAADAH

The 23rd MAIWP which was held on 2nd August 1985 and chaired by Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Mohammad Noor has agreed to establish an institution which can provide protection and guidance to youth and families who have deviated from social norms and religious principles. This institution was later named the Dar Assaadah Muslim Women Protection Center and started its operation in November 1989 in a shop houses block at Taman Bukit Anggerik, Cheras Kuala Lumpur with an intake of 9 occupants. In view of the increasing intake of occupants, in 1996 this center moved to a bungalow lot belonging to Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan at No 149 Jalan Gurney 3, Datuk Keramat Kuala Lumpur with a total of 40 occupants. Then, on 2nd February

Keramat Kuala Lumpur dengan bilangan penghuni seramai 40 orang. Seterusnya pada 02 Februari 2000, Institusi Kebajikan ini sekali lagi telah berpindah ke sebuah kompleks yang lebih besar dan selesa iaitu di Lot 28188 Jalan 26/10, Taman Koperasi Polis Fasa 2, 68100 Batu Caves, Kuala Lumpur yang merupakan bangunan milik MAIWP. Pusat ini secara rasminya telah diberi nama sebagai Kompleks Dar Assaadah pada tahun 2001.

Pada akhir tahun 2007, Dar Assaadah telah berpindah ke Kampung Batu, Batu 5, Jalan Ipoh yang sebelum itu menempatkan penghuni anak yatim Darul Kifayah. Perpindahan dibuat bagi memberi ruang yang lebih selesa kepada penghuni Darul Kifayah yang semakin bertambah dari tahun ke tahun.

INSTITUT KEMAHIRAN BAITULMAL

Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) ditubuhkan pada tahun 1991 oleh MAIWP bertujuan untuk membantu membasmi kemiskinan di kalangan keluarga Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Malaysia amnya dengan cara memberikan mereka mengikuti latihan kemahiran yang tersusun supaya mereka boleh berdikari setelah tamat mengikuti kursus di IKB.

Idea awal penubuhan IKB telah dicetuskan oleh Y.B. Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Mohammad Noor, Pengerusi MAIWP pada ketika itu. Hasil daripada itu, beberapa siri perbincangan telah dijalankan dengan tertubuhnya Jawatankuasa Penubuhan Pusat Latihan yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Othman bin Haji Ishak yang kemudiannya diambil alih oleh Y. B. Dato' Dr. Abdul Hamid bin Othman (sekarang Tan Sri) pada tahun 1989.

Perletakan batu asas pembinaan IKB telah dibuat pada 18 Januari 1990 dan pada 5 Disember 1990, blok pertama bangunan IKB dapat disiapkan melibatkan kos pembinaan sebanyak RM0.55 juta.

Bermula pada 18 Mac 1991, IKB mula beroperasi dengan seramai 7 orang kakitangan diketuai oleh seorang Pengurus. Pada ketika itu, sebanyak 3 kursus ditawarkan dengan pengambilan pelatih seramai 42 orang iaitu Kursus Jahitan Pakaian Lelaki (14 orang), Kursus Jahitan Pakaian Wanita (16 orang) dan Kursus Senilukis Kreatif dan Kemasan Semburan (12 orang).

2000, this welfare institution had again moved to a bigger and more comfortable complex at Lot 28188 Jalan 26/10, Taman Koperasi Polis Fasa 2, 68100 Batu Caves, Kuala Lumpur, which is a MAIWP owned building. This center was officially named as Dar Assaadah Complex in 2001.

At the end of 2007, Dar Assaadah moved to Kampung Batu, Batu 5, Jalan Ipoh, which previously accommodated the orphans of Darul Kifayah. This shifting was done to provide a more comfortable environment to the ever-increasing Darul Kifayah occupants every year.

BAITULMAL SKILLS INSTITUTE

Baitulmal Skills Institute (IKB) was established in 1991 by MAIWP with a purpose to eradicate poverty among the Muslim families in the Federal Territory of Kuala Lumpur specifically and Malaysia generally by giving them the opportunity to attend systematic skill development training programmes so that they will be independent after they have graduated from the programmes at IKB.

The establishment of IKB was the brain-child of Dato' Dr. Mohd. Yusof bin Haji Mohammad Noor, the then MAIWP Chairman. As a result, a few series of discussion ensued with an establishment of Training Center Establishment Committee, which was chaired by Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Othman bin Haji Ishak and was later taken over by Dato' Dr. Abdul Hamid bin Othman (Tan Sri at present) in 1989.

The placement of foundation stone for the construction of IKB was carried out on 18th January 1990 and on 5th December 1990, the first IKB building block was completed with a cost of RM0.55 million.

IKB started its operation on 18 March 1991, with a staff of 7 headed by a Manager. At that time, 3 courses were offered with an intake of 42 trainees, which were Men Clothes Sewing Course (14 trainees), Women Clothes Sewing Course (16 trainees) and the Creative Arts and Spray Finishing Course (12 trainees).

Pada awal penubuhannya, IKB diberi nama sebagai Pusat Latihan Fakir Miskin yang kemudiannya ditukar kepada Pusat Latihan Kemahiran Baitulmal (PLKB). Namun demikian melihat kepada perkembangan kursus dan tahap persijilan yang ditawarkan, maka nama tersebut ditukar kepada Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) pada tahun 1995 sempena sambutan lima tahun IKB oleh Pengerusi MAIWP pada ketika itu iaitu Y. B. Dato' Dr. Abdul Hamid bin Othman.

Peranan IKB terus diperluaskan dengan terbinanya bangunan 4 tingkat pada tahun 1994. Dengan adanya bangunan baru tersebut, IKB telah menambah 3 kursus lagi pada tahun 1995 iaitu Kursus Kejuruteraan Elektrik, Kursus Masakan dan Katering dan Kursus Batik dan Cetakan Tekstil dengan jumlah kakitangan meningkat kepada 32 orang.

Pada asasnya perbelanjaan pengurusan di IKB ditanggung sepenuhnya oleh MAIWP. Dalam hal ini, para pelatih yang diterima masuk IKB tidak perlu untuk membayar apa-apa yuran pengajian.

IKB terus berkembang selaras dengan perkembangan negara. IKB membuat penyusunan dan penambahbaikan kurikulum bagi setiap kursus yang ditawarkan. Jika di awal penubuhannya pelatih-pelatih hanya mengikuti kursus selama setahun namun bermula tahun 2004 IKB menawarkan kursus selama 2 tahun dengan penambahbaikan kepada kurikulum sedia ada di samping turut memperlengkapkan pelatih-pelatih dengan pengajian liberal yang terdiri daripada Pengajian Agama Islam, Bahasa Inggeris, Keusahawanan dan Aplikasi Komputer. Ia turut melibatkan pertukaran nama-nama kursus yang ditawarkan bagi memberi nilai tambah kepada kursus-kursus tersebut. Kursus Jahitan Pakaian Lelaki dan Jahitan Pakaian Wanita ditukarkan kepada Kursus Rekaan Fesyen dan Pembuatan Pakaian (RFP) Lelaki dan Wanita, Kursus Senilukis dan Kemasan Semburan ditukarkan kepada Kursus Seni Lukis dan Seni Reka (SSR). Kursus Pendawaian Elektrik ditukarkan kepada Kursus Kejuruteraan Elektrik (KJE) manakala Kursus Masakan dan Katering ditukarkan kepada Kursus Perkhidmatan dan

At its initial stage, IKB was named as the Hardcore Poor Training Center and later was changed to Baitulmal Skills Development Training Center or Pusat Latihan Kemahiran Baitulmal (PLKB). However, due to the course expansion and the levels of the certification offered, the name was changed to Baitulmal Skills Intitute or Institut Kemahiran Baitulmal (IKB) in 1995 in conjunction to the IKB five years celebration by the Chairman of MAIWP at that time, Dato' Dr. Abdul Hamid bin Othman.

The role of IKB expanded with the construction of a 4-storey building in 1994. With the existence of the new building, IKB added 3 more courses in 1995, which are Electrical Engineering Course, Cooking and Catering Course and Batik and Textile Printing Course with an increased number of staff to 32.

Basically, management expenditure is fully financed by MAIWP. Therefore, trainees recruited do not have to pay for the tuition fees.

IKB keeps on expanding in line with the country's development. IKB has restructured and upgraded the syllabus for every course offered. In its initial stage, the trainees attended the course for a duration of one year. However, starting from 2004, IKB has offered 2-year courses with a vast improvement on the existing syllabus and equip the trainees with liberal education such as Islamic Studies, English Language, Entrepreneurial and Computer Application. This has brought a need to also change the names of the courses to reflect the added value to the courses. The Men and Women Clothes Sewing Course were changed to Men and Women Fashion Designing and Clothes Production Course and the Creative Arts and Spray Finishing Course was changed to Art and Design Course. The Electrical Wiring Course was changed to Electrical Engineering Course and the Cooking and Catering Course was changed to Food Service and Presentation Course. In 2006, IKB started to offer a course on Building Construction Technology to enable the Malaysian younger generation to get involved in the construction industry because

Penyajian Makanan (PPM). Pada tahun 2006 IKB mula menawarkan kursus Teknologi Binaan Bangunan bagi membolehkan generasi muda Malaysia menceburi industri pembinaan kerana sijil mereka diiktiraf oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia. Pelatih dari kursus ini turut dilengkapi dengan kemahiran membuat perabut dan kelengkapan rumah sebagai nilai tambah kepada lulusan dari kursus ini.

Pihak IKB telah mengorak langkah dengan mengadakan kerjasama dengan pihak Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) atau sekarang dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi mendapatkan pengiktirafan dan pengeluaran sijil. Usaha IKB ini berjaya di mana semua kursus di IKB telah diiktiraf oleh JPK. Para lulusan IKB diberikan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 dan 2 yang diiktiraf oleh JPK di samping sijil tamat latihan yang dikeluarkan oleh IKB sendiri. Lulusan Kejuruteraan Elektrik juga turut mendapat pengiktirafan Suruhanjaya Tenaga (Sijil Kekompetenan dan Pengendorsan Pendawai PW4). Pelatih-pelatih IKB juga diwajibkan mengikuti latihan praktikal di luar IKB bagi memberi pendedahan kepada dunia pekerjaan sebenar.

Iklan pengambilan pelatih IKB dibuat pada setiap bulan Ogos setiap tahun di akhbar-akhbar utama dan laman web MAIWP. IKB akan mengadakan temuduga di setiap negeri di Malaysia bagi memastikan kelayakan setiap pemohon. Kriteria pemilihan pelatih IKB adalah seperti berikut:

- a) Lulus Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau sekurang-kurangnya tamat darjah 6 dan boleh membaca serta menulis.
- b) Pendapatan ketua keluarga adalah kurang daripada RM500 sebulan @ mengikut had al-Kifayah yang ditetapkan oleh MAIWP.
- c) Sihat mental dan fizikal.

their certificates are recognised by the Malaysia Construction Industry Development Board or Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia. Trainees of this course are also equipped with skills to make furniture and house fittings to add value to the graduates of this course.

IKB also went a step forward by cooperating with Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK), which is presently known as Department of Skills Development and comes under the Ministry of Human Resource to obtain recognition and the authority to issue certificates. This effort by IKB has succeeded whereby all IKB courses are recognised by JPK. The IKB graduates are given the level 1 and 2 Malaysia Certificates of Competence Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 dan 2 which are recognised by JPK apart from the training completion certificates issued by IKB itself. The Electrical Engineering graduates are also recognised by the Energy Commission or Suruhanjaya Tenaga (Sijil Kekompetenan Pendawai PW4). The IKB trainees are required to go for practical training outside of IKB in order to be exposed to the real working world.

The advertisement for trainee intake is done in August every year in mainstream newspapers and MAIWP website. IKB will conduct interviews in every state in Malaysia to ensure the qualification of each applicant. The selection criteria are as follows:

- a) Pass the Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) or at least completed year 6 and able to read and write.*
- b) Income of the head of family is less than RM500 a month or according to the al-Kifayah limit set by MAIWP.*
- c) Mentally and physically healthy.*

TASKA DARUL HANNAN

Taska Darul Hannan merupakan sebuah institusi penjagaan dan pendidikan harian bagi kanak-kanak yang berusia 2 bulan hingga 4 tahun. Ianya mula beroperasi pada 1 Disember 1996 di sebuah bangunan yang terletak di dalam kawasan IKB, Jalan Perkasa, Taman Maluri, Kuala Lumpur.

Pada 22 November 2007, Mesyuarat MAIWP kali ke-102 telah bersetuju menubuhkan sebuah lagi Taska Darul Hannan bertempat di Dewan Nurseri, Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Kadar bayaran yang dikenakan di Taska ini adalah seperti berikut:

Jadual / Table 12:
Kadar Yuran Darul Hannan
Darul Hannan Fees Rate

BIL. NO.	UMUR / KATEGORI AGE / CATEGORY	BAYARAN (RM) CHARGES (RM)
1	Setahun ke bawah/ <i>Less than a year</i>	180
2	Setahun lebih hingga 4 tahun/ <i>More than a year up to 4 years</i>	150
3	Bagi ibu bapa yang berpendapatan di bawah RM1,500 <i>For parents with an income of less than RM1,500</i>	Percuma <i>Free</i>

DARUL HANNAN KINDERGARTEN

The Darul Hannan kindergarten is an institution, which provides daily care and education to children within the age of 2 months and 4 years. It started its operation on 1st December 1996 in a building located in the IKB area, Jalan Perkasa, Taman Maluri, Kuala Lumpur.

On 22nd November 2007, the 102nd MAIWP Meeting agreed to establish one more Darul Hannan kindergarten at Dewan Nurseri, Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta, and Kuala Lumpur.

The rates of payment for the Taska are as follows:

SEKOLAH MENENGAH AGAMA MAIWP (SMA-MAIWP)

Rancangan penubuhan Sekolah Menengah Agama di Wilayah Persekutuan telah dimulakan sejak tahun 1990an. Mesyuarat MAIWP kali ke-56 yang bersidang pada 9 Ogos 1994 telah memutuskan bahawa Sekolah Menengah Agama perlu ditubuhkan segera di Wilayah Persekutuan untuk memberi kesinambungan pendidikan di peringkat menengah. Walau bagaimanapun, disebabkan beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan, usaha tersebut telah tertangguh sehingga tahun 2005.

Mesyuarat MAIWP kali ke-94 pada 27 Oktober 2005 telah memutuskan untuk menubuhkan sebuah Sekolah Menengah Agama (Berasrama) di Wilayah Persekutuan dan JAWI telah diminta untuk mengkaji dan menyediakan satu kertas cadangan

SEKOLAH MENENGAH AGAMA MAIWP (SMA-MAIWP)

The plan to establish Sekolah Menengah Agama at Federal Territory has started since the 1990's. The 56th MAIWP meeting, which was held on 9th August 1994, decided that an Islamic Secondary School had to be established immediately in the Federal Territory to provide a continuity in education at secondary level. However, due to some unavoidable problems, that effort had to be delayed up to 2005.

The 94th MAIWP Meeting on 27th October 2005 decided to establish a Religious Secondary School (with hostel) or Sekolah Menengah Agama (Berasrama) in the Federal Territory and JAWI was asked to make a study and prepare a working

penubuhan Sekolah Menengah Agama Wilayah Persekutuan (SMAWP) untuk dikemukakan dalam Mesyuarat MAIWP yang seterusnya.

Pada tahun 2006, kertas kerja tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat MAIWP kali ke-96 yang bersidang pada 28 Julai 2006. Kertas kerja tersebut telah mencadangkan agar MAIWP menubuhkan sebuah Sekolah Menengah Agama Negeri. Ia merupakan sebuah sekolah berasrama dan semua pelajar diwajibkan tinggal di asrama sepanjang sesi persekolahan. Segala kos pengurusan sekolah dan asrama akan dibiayai oleh MAIWP.

Kertas tersebut turut mencadangkan agar SMAWP menggunakan kurikulum Sekolah Menengah Agama Negeri Selangor setelah mengkaji beberapa sekolah agama negeri yang lain seperti Terengganu, Kelantan dan Negeri Sembilan serta mengambil kira pandangan Unit Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang memperakui pengurusan dan kurikulum Sekolah Agama Negeri Selangor adalah baik dan bersepadu. Aspek ini perlu diambil kira bagi membolehkan MAIWP menyerapkan SMAWP sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

Cadangan tersebut telah dipersetujui dan mesyuarat telah meluluskan peruntukan kewangan sebanyak RM2 juta bagi kos operasi sekolah tersebut. SMAWP akan beroperasi sementara di satu blok bangunan Sekolah Rendah Agama (SRA) Othmaniah, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur sebelum bangunan sekolah yang baru dibangunkan. MAIWP turut menyewa Wisma Balai Ikhtiar Malaysia (BIM) yang terletak hampir 5 km daripada sekolah untuk dijadikan sebagai asrama pelajar-pelajar.

paper to propose the establishment of Sekolah Menengah Agama Wilayah Persekutuan (SMAWP) to be presented in the following MAIWP Meeting.

In 2006, the working paper was presented in the 96th MAIWP Meeting which was held on 28th July 2006. The working paper proposed that MAIWP to establish a state Religious Secondary School. It would be a fully residential school and all students are required to stay in the hostel throughout the school session. All school and hostel management costs incurred are financed by MAIWP.

The paper also proposed that SMAWP to adopt and use the Sekolah Menengah Agama Negeri Selangor curriculum after studying a few other state Islamic schools such as Terengganu, Kelantan and Negeri Sembilan and also considering the opinions of the Government Assisted Religious School Unit of Ministry Of Education (MOE) which acknowledged the management and curriculum of are good and integrated. This aspect needs to be considered to enable MAIWP assimilate SMAWP as a Government Assisted Religious School or Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

The proposal was agreed and the meeting approved a financial allocation of RM2 million for the operation costs of the school. In the meantime, SMAWP will be operating temporarily at a building block of Sekolah Rendah Agama (SRA) Othmaniah, Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur before the new school building was erected. MAIWP also rented Wisma Balai Ikhtiar Malaysia (BIM), which is located almost 5 km from the school and to be used as student hostel.



Bangunan sementara Sekolah Menengah Agama MAIWP di Bandar Tun Razak, Cheras
Sekolah Menengah Agama MAIWP temporary building at Bandar Tun Razak, Cheras

Pada 22 Januari 2007, Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) secara rasminya telah menerima kumpulan pertama pelajar seramai 181 orang yang telah mendaftarkan diri ke Tingkatan 1. Kriteria pemilihan pelajar adalah seperti berikut:

- a) Mendapat 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan mendapat sekurang-kurangnya Gred 2 dengan markah 70% dan ke atas dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama (UPSRA).
- b) Mempunyai kebolehan menulis tulisan JAWI dengan baik.
- c) Berkebolehan membaca ayat suci al-Quran dengan baik.
- d) Mempunyai asas Bahasa Arab.
- e) Lulus ujian kelayakan kemasukan yang ditetapkan oleh JAWI.
- f) Tidak mempunyai penyakit yang kronik.

On 22nd January 2007, Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) officially received the first batch of 181 students who registered in Form 1. The student selection criteria are as follows:

- a) Obtained 5As in Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) and at least Grade 2 with scores of 70% and above in Ujian Penilaian Sekolah Rendah Agama (UPSRA).*
- b) Able to write well in JAWI.*
- c) Able to read the verses in al-Quran well.*
- d) Has a sound foundation in Arabic.*
- e) Passes the qualification examination set by JAWI.*
- f) Free from any chronic disease.*

DIREKTORI MAIWP / MAIWP's Directory

1. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Ibu Pejabat)

Lot 132-138, Wisma Baitulmal, Jalan Ipoh
51200 KUALA LUMPUR

No. Tel : 03- 4047 9444

No. Faks : 03- 4044 9444

2. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Cawangan Labuan

Blok 4, Tingkat 13, Kompleks Ujana Kewangan
Peti Surat 80960
87019 LABUAN

No. Tel : 087-418 515 / 512

No. Faks : 087-418 514

3. Bahagian Baitulmal

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Tingkat 3-6, Bangunan Daruzzakah
Lorong Haji Hussein 2
50676 KUALA LUMPUR

No. Tel : 03- 2617 5222

No. Faks : 03- 2617 5252

4. Kompleks Darul Kifayah

Lot 28188, Jalan 36/10,
Taman Koperasi Polis Fasa 2, Batu Caves
68100 KUALA LUMPUR

No. Tel : 03- 6188 1470

No. Faks : 03- 6185 1284

5. Kompleks Dar Assaadah

Kampung Batu, Batu 5, Jalan Ipoh
52000 KUALA LUMPUR

No. Tel : 03- 6257 0960 / 6864

No. Faks : 03- 62581254

6. Institut Kemahiran Baitulmal

Jalan Perkasa, Off Jalan Kampung Pandan
Taman Maluri
55100 KUALA LUMPUR

No. Tel : 03- 9283 0198

No. Faks : 03- 9281 1387

7. Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP)

d/a Masjid Saidina Othman Ibn Affan
Bandar Tun Razak, Cheras
56000 KUALA LUMPUR

No. Tel : 03- 9171 3661

No. Faks : 03- 9171 2661

8. Hospital PUSRAWI

Lot 149, Jalan Tun Razak
50400 KUALA LUMPUR

No. Tel : 03- 2687 5000

No. Faks : 03- 2687 5001

9. Taska Darul Hannan

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
Lot 1363, Jalan Perkasa
Off Jalan Kampung Pandan
Taman Maluri
55100 KUALA LUMPUR

No. Tel : 03- 9287 6967

No. Faks : 03- 9281 1387

10. Pusat Pungutan Zakat MAIWP

Wisma PPZ, 68-1-6
Dataran Shamelin, Jalan 4/91
Taman Shamelin Perkasa
56100 KUALA LUMPUR

No. Tel : 03- 9289 5757

No. Faks : 03- 9289 5758

11. Institut Profesional Baitulmal

Lot 1363, Jalan Perkasa
Off Jalan Kg. Pandan
Taman Maluri
55100 KUALA LUMPUR

No. Tel : 03- 9281 4054

No. Faks : 03- 9281 4052

12. Kolej Kejururawatan PUSRAWI

Tingkat 5, Bangunan Tabung Haji
28 Jalan Rahmat
Off Jalan Ipoh
50350 KUALA LUMPUR

No. Tel : 03- 4045 3876

No. Faks : 03- 4045 3877

13. Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan

Tingkat Bawah, Lot 1
Bangunan Tabung Haji
148, Jalan Ipoh
51200 KUALA LUMPUR

No. Tel : 03- 4041 4155

No. Faks : 03- 4041 4199




STATISTIK

Statistic




GAMBARAJAH 1: PENDAPATAN KESELURUHAN MAIWP 2003-2008
DIAGRAM 1 : MAIWP'S OVERALL INCOME 2003-2008




GAMBARAJAH 2 : PERBELANJAAN KESELURUHAN MAIWP 2003-2008

DIAGRAM 2 : MAIWP'S OVERALL EXPENSES 2003-2008



GAMBARAJAH 3 : PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN ZAKAT MAIWP 2003-2008
DIAGRAM 3 : MAIWP'S 2003-2008 ZAKAT REVENUE AND EXPENDITURE



GAMBARAJAH 4 : PECAHAN PERBELANJAAN ZAKAT MAIWP 2003-2008
DIAGRAM 4 : BREAKDOWN OF MAIWP'S ZAKAT EXPENDITURE 2003-2008

TAHUN Year ASNAF	2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)	JUMLAH TOTAL (RM)
Fakir / Hardcore Poor	9,379,106	11,734,327	10,923,732	14,751,940	19,467,937	20,506,789	86,763,831
Miskin / Poor	9,849,307	11,492,632	12,659,567	13,704,027	22,591,545	22,596,480	92,893,558
Amil	15,491,834	17,818,827	18,873,787	24,212,156	22,144,438	33,406,135	131,947,177
Muallaf	1,357,537	1,824,095	2,310,647	3,125,697	3,860,170	5,652,879	18,131,026
Al-Gharimin	402,716	539,871	612,466	1,399,151	1,441,716	1,652,753	6,048,674
Ibnu Sabil	99,514	135,807	165,512	341,104	401,593	399,644	1,543,174
Fisabilillah	14,622,107	15,656,709	23,044,568	34,067,400	57,244,672	62,186,947	206,822,404
Al-Riqab	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH (RM) TOTAL	51,202,121	59,202,268	68,590,280	91,601,474	127,152,073	146,401,628	544,149,844



RENTETAN PERISTIWA 2008

Chronology Of Incidents In 2008

- **DIARI MAIWP** / *MAIWP's Diary*
- **KERATAN AKHBAR** / *Newspaper Excerpts*



RENTETAN PERISTIWA / *Chronology of Incidents*

DIARI MAIWP/ *MAIWP'S DIARY*

JANUARI

23 Januari 2008

Mesyuarat MAIWP/ *MAIWP Meeting*

MAC

27 Mac 2008

Majlis Penyampaian Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran
/ *Presentation the Al-Quran Memorisation Incentive Aid Scheme Ceremony.*



Bantuan zakat berjumlah RM44,000 disampaikan kepada 13 orang penerima sulung Skim Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran, MAIWP./ *A zakat assistance totalling RM44,000 was presented to the first batch of 13 recipients of the Al-Quran Memorisation Incentive Aid Scheme.*

31 Mac 2008

Lawatan Kerja Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP ke MAIWP & JAWI/ *An Official Visit by Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Minister in the Prime Minister's Department cum MAIWP Chairman to MAIWP and JAWI*



APRIL

3 April 2008

Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)/ *Presentation of Contribution to the Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) Ceremony*



MAIWP telah menyampaikan sumbangan sebanyak RM50,000 kepada Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) untuk membiayai kos pentadbiran dan aktiviti persatuan berkenaan./ *MAIWP presented a contribution of RM50,000 to the Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) to finance the administrative cost and the cost to run the society activities.*

9 hingga 24 April 2008

Kursus Induksi Umum Penjawat Awam MAIWP Siri 1/2008/ *General Induction Course for MAIWP Civil Servants Series 1/2008*

11 April 2008

Penyerahan Cek Bantuan NGO oleh Pengerusi Jawatankuasa Agihan, Dr. Sohaimi Mohamad Salleh/ *The handing over of NGO assistance cheque by the Chairman of the Distribution Committee Dr. Sohaimi Mohamad Salleh.*

11 hingga 13 April 2008

Kursus Teknologi Makanan (Bakeri) Kepada 25 Orang Penerima Bantuan Baitulmal Anjuran Baitulmal MAIWP & Bakeria Akademi/ *Food Technology Course (Bakery) to 25 Recipients of Baitulmal Assistance Hosted by MAIWP Baitulmal and Bakeria Akademi.*

DIARI MAIWP/ MAIWP's Diary



Seramai 25 penerima Bantuan Kewangan Bulanan MAIWP menyertai kursus teknologi makanan yang diadakan dengan kerjasama Bakeria Akademi di Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Kursus seumpama ini diadakan bertujuan menggalakkan penerima bantuan menceburi bidang perniagaan seterusnya membantu mereka keluar dari kepompong kemiskinan. / *25 recipients of MAIWP Monthly Financial Assistance attended the food technology course which was conducted with the cooperation from Bakeria Akademi at Wangsa Maju, Kuala Lumpur. This type of course is conducted to encourage the aid recipients to get involved in business and subsequently help them to get out of poverty.*

15 April 2008

Penyerahan Bantuan Kepada Mangsa Kebakaran di Labuan
/ *Handing over of Aids to the Fire Victims in Labuan.*

15 April 2008

Lawatan Kerja Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Pengerusi MAIWP ke MAIWP / *An Official Visit by Y.B. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Minister in the Prime Minister Department cum MAIWP Chairman to MAIWP*

23 & 25 April 2008

Bengkel Pelan Perancangan Strategik MAIWP 2009-2013
/ *MAIWP Strategic Planning Workshop 2009-2013*

29 April 2008

Kunjungan daripada Pusat Kutipan Zakat (PKZ), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang ke Kompleks Dar Assaadah / *Visit from Pusat Kutipan Zakat (PKZ), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang to Dar Assaadah Complex*

Majlis Penganugerahan Sijil Pelatih Institut Kemahiran Baitulmal Sesi 2006/2007 / *The Conferment of Certificates Ceremony for Trainees of Baitulmal Development Skill Institute Cohort 2006/2007*



30 April 2008

Lawatan Majelis Ulama Indonesia Provinsi Sumatera Utara ke MAIWP / *Visit from Majelis Ulama Indonesia Provinsi Sumatera Utara to MAIWP*

MEI

2 Mei 2008

Majlis Taklimat Kepada 79 Orang Pegawai Baru MAIWP / *Briefing to 79 MAIWP New Officers*

3 hingga 6 Mei 2008

Temuduga Biasiswa Pelajar Bidang Pengajian Islam Dan Perubatan Sesi 2008/2009 Di Mesir / *Interview for Student Scholarship for Islamic Studies and Medicine Session Session 2008/2009 In Mesir*

5 hingga 8 Mei 2008

Kursus Induksi Khusus Penjawat Awam MAIWP siri 2/2008 / *Induction Course for MAIWP Civil Servants Series 2/2008*

23 hingga 25 Mei 2008

Kursus Kecemerlangan Sahsia Darul Kifayah 2008 / *Darul Kifayah Personality Excellence Course 2008*

24 Mei 2008

Majlis Penyampaian Cek Kepada Mangsa-Mangsa Banjir Kilat di Sentul dan Setapak, Kuala Lumpur / *The Handing Over of Cheques Ceremony for the Victims of Flash Floods in Sentul and Setapak, Kuala Lumpur*

DIARI MAIWP/ MAIWP's Diary



Seramai 122 mangsa banjir di kawasan Sentul dan Setapak, Kuala Lumpur menerima bantuan keseluruhan bernilai RM29,500 dan 5 kg beras setiap seorang. Banjir kilat melanda kawasan tersebut pada 1 April 2008./ *122 flood victims from Sentul and Setapak, Kuala Lumpur received total aids of RM29,500 and 5 kg of rice each. Flash floods hit the area on 1 April 2008.*

24 hingga 27 Mei 2008

Kursus Motivasi Kecemerlangan Pelajar Peringkat Ujian Penilaian Sijil Rendah Ugama (UPSRU)/ *Motivation Towards Excellence Course for Students at Ujian Penilaian Sijil Rendah Ugama (UPSRU) Level*

27 Mei 2008

Lawatan Lembaga Zakat Emiriah Arab Bersatu (UAE) ke Institut Kemahiran Baitulmal/ *Visit from Lembaga Zakat Emiriah Arab Bersatu (UAE) to Baitulmal Skills Institute*



JUN

8 Jun 2008

Program Salam Hadhari "Masih Ada Yang Sayang" Anjuran JAWI & MAIWP / *Salam Hadhari Programme "Masih Ada Yang Sayang" Hosted by JAWI & MAIWP*



9 Jun 2008

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MAIWP 2007 / *MAIWP Excellent Service Award Ceremony 2007*

16 hingga 20 Jun 2008

Minggu Matematik dan Sains Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) / *Sekolah Menengah Agama MAIWP (SMA-MAIWP) Mathematics and Science Week*

23 Jun 2008

Lawatan Muhibbah Ke Panel Pusat Rawatan Dialisis MAIWP / *Social Visit to MAIWP Dialysis Treatment Center Panel*

25 Jun 2008

Majlis Pelancaran Pusat Agihan Zakat (PAZA) di Masjid Ar-Rahimah, Kampung Pandan, Kuala Lumpur / *Launching Ceremony of Pusat Agihan Zakat (PAZA) at Masjid Ar-Rahimah, Kampung Pandan, Kuala Lumpur*

DIARI MAIWP/ MAIWP's Diary



MAIWP melancarkan Pusat Agihan Zakat (PAZA) yang pertama di Masjid Ar-Rahimah, Kampung Pandan, Kuala Lumpur bagi memudahkan proses permohonan bantuan zakat./ *MAIWP launched the first Pusat Agihan Zakat (PAZA) at Masjid Ar-Rahimah, Kampung Pandan, Kuala Lumpur to facilitate the application process for zakat assistance.*

JULAI

1 Julai 2008

Penyampaian Bantuan Bagi Tajaan Akhbar Utusan Melayu Kepada Sekolah-Sekolah Di Wilayah Persekutuan/ *Handing over of Aids for Utusan Melayu Newspaper Sponsorship to Schools in Federal Territories.*



Baitulmal MAIWP telah memperuntukkan sebanyak RM70,240 bagi menaja akhbar Utusan Melayu kepada sekolah-sekolah di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya bertujuan meningkatkan penguasaan jawi di kalangan para pelajar./ *Baitulmal MAIWP Baitulmal has allocated RM70,240 to sponsor Utusan Melayu newspapers to schools around Kuala Lumpur and Putrajaya with a purpose to develop jawi proficiency among students.*

4 Julai 2008

Perhimpunan Bulanan MAIWP Julai 2008/
MAIWP Monthly Assembly July 2008

4 hingga 6 Julai 2008

Program Motivasi Potensi Diri Pelajar-Pelajar Penerima Bantuan Dermasiswa Baitulmal MAIWP/
Motivation of Individual Potential Programme for Recipients of MAIWP Scholarship Assistance.

13 Julai 2008

Penyampaian Bantuan Segera Kepada Mangsa Kebakaran di Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur/ *Handing Over of Immediate Aids to Fire Victim at Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur*

18 Julai 2008

Majlis Penyerahan Cek Bantuan Kepada Agensi Pendidikan di sekitar Kuala Lumpur/ *The Handing Over of Cheques To Education Agencies Around Kuala Lumpur Ceremony.*



Sebanyak 35 institusi pendidikan termasuk sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah rendah agama, sekolah menengah agama, tadika, tadika Islam dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menerima sumbangan berjumlah RM128,870 bagi menganjurkan program-program keagamaan./ *35 education institutions including primary schools, secondary schools, religious primary schools, religious secondary schools, kindergartens, Islamic kindergartens and public higher education institutes (IPTA) received a contribution amounting to RM128,870 to organise religious programmes.*

18 Julai 2008

Majlis Perjumpaan Dan Penyampaian Sijil Perlantikan Kepada Panel Pusat Haemodialisis MAIWP/ *The Get-together and Presentation of Certificates of Appointment To MAIWP Haemodialysis Center Panel Ceremony*

19 hingga 22 Julai 2008

Pembentangan Kertas Kerja Pelaksanaan Sistem e-Mualaf oleh MAIWP di Persidangan Ketua-Ketua Jabatan/ Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia kali ke-77 / *Presentation of Working Paper on Implementation of e-Mualaf System by MAIWP at the 77th Convention Heads of Department/State Islamic Councils of Malaysia*

24 Julai 2008

